



LAPORAN TAHUNAN 2012 JABATAN MUZIUM MALAYSIA

© Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada
Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.



Tepak Sireh Sultan Abdul Samad
Tepak sireh milik Almarhum Sultan Abdul Samad (1859 – 1880), Selangor. Diperbuat daripada perak bersalut emas. Permukaan diukir timbul bunga ketumbit dan rama-rama serta lambang kerajaan negeri daripada emas. Mengandungi lima cembul dan kacip bersalur emas. Artifak ini telah diisytiharkan sebagai Objek Warisan Ketara di bawah Senarai Warisan Kebangsaan 2009.

KANDUNGAN

4	Perutusan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia
6	Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia
8	Laporan Daripada Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia
12	Visi, Misi dan Objektif
13	Sejarah Jabatan Muzium Malaysia: Satu Perjalanan
18	Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM
22	Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat
42	Program Pameran
56	Pengurusan Koleksi
62	Perkhidmatan Konservasi
68	Penyelidikan dan Penerbitan
72	Pemasaran dan Khidmat Seranta
82	Pendidikan Muzium
92	Laporan JMM Wilayah
100	Laporan Kewangan
102	Statistik Pengunjung
104	Muzium-Muzium di Bawah JMM
112	Lampiran



PERUTUSAN

MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Dalam merakamkan sejarah ketamadunan sesebuah negara, aspek permuziuman merupakan aspek yang sangat penting dalam menggemilangkan peradaban bangsa dan negara. Dalam konteks negara Malaysia, peranan ini telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia yang bukan sahaja memaparkan kembali pensejarahan lampau negara, malahan jua isu-isu terkini yang wajar didekati dan difahami oleh masyarakat. Banyak program dan aktiviti pameran diadakan pada tahun 2012 dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Semua program ini bertujuan menanamkan rasa megah bangsa dalam kalangan rakyat Malaysia dan perkara ini berkait rapat dengan pembinaan negara bangsa.



Komitmen dan kematangan muzium dalam merealisasikan hasrat Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dalam mempromosikan sejarah dan kebudayaan bangsa dan negara melalui pelbagai aktiviti permuziuman termasuklah pameran, penyelidikan, pendidikan muzium dan konservasi artifak amat membanggakan. Pada tahun 2012, Jabatan Muzium Malaysia meneruskan iltizam untuk menjadikan muzium sebagai repositori khazanah bangsa dan negara.

Sekalung tahniah kepada semua warga Jabatan Muzium Malaysia atas kesungguhan menjayakan segala program dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Mudah-mudahan pencapaian ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya diberi kesempatan untuk menyampaikan perutusan dalam Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bagi tahun 2012. Selaku agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap usaha-usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan sejarah, JMM telah berjaya menghasilkan pameran dan mengadakan aktiviti pendidikan muzium yang realistik dan praktikal yang berupaya menjana transformasi penyampaian perkhidmatan institusi permuziuman di negara ini.

Namun dalam misi memacu transformasi permuziuman, seiring dengan pengurusan organisasi yang lain, kita perlu memastikan institusi permuziuman berada di landasan yang betul, mantap dan berkesan. Usaha memperkemas jentera organisasi dan tadbir urus, institusi permuziuman



perlu dilaksanakan secara berterusan melalui sumber yang mapan, struktur organisasi yang kemas, kewibawaan modal insan yang bijaksana, dan memaksimumkan potensi. Faktor-faktor ini penting dan menjadi tanda aras penentu kecemerlangan institusi permuziuman di Malaysia malahan perlu diperkasa agar selari dengan perubahan semasa.

Akhir kata, kepada warga muzium sekalian teruskanlah usaha menyemarakkan muzium dan supaya ia terus berada di persada dunia.

Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf
Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan,
Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia



LAPORAN DARIPADA KETUA PENGARAH

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2012 yang memberikan maklumat tentang kemajuan yang telah dicapai oleh Jabatan Muzium Malaysia pada sepanjang tahun tersebut.

Sebagaimana jua pada tahun-tahun yang lalu, Jabatan Muzium Malaysia telah memberikan fokus utama terhadap kelestarian warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara ini dapat terus dipelihara. Justeru, pada tahun 2012, Jabatan Muzium Malaysia terus mengorak langkah dalam menambah baik dan memantapkan peranannya sebagai pusat penyebaran sejarah, budaya dan alam semula jadi. Di samping itu, menjadi tanggungjawab Jabatan ini bersama-sama agensi lain dalam perkhidmatan awam dalam mendidik

“ Menerusi proses pembelajaran berterusan, adalah diharapkan agar setiap warga muzium memperoleh keseimbangan dalam pembentukan sahsiah dan nilai-nilai murni serta pengetahuan dan kemahiran yang bersifat profesional. ”



generasi muda menghargai kepentingan sejarah, budaya dan alam semula jadi agar mereka mengenali jati diri, asal-usul bangsa, di samping menanamkan sifat cinta akan bangsa dan setia kepada negara.

Sepanjang tahun 2012 menyaksikan Jabatan ini telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dalam memperkasakan sistem penyampaian maklumat mengenai sejarah, budaya dan alam semula jadi kepada masyarakat tempatan dan dunia. Pencapaian yang sangat membanggakan ialah Jabatan ini telah mendapat peluang dan kepercayaan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi

dan Kebudayaan untuk mengadakan Pameran Raja Kita: Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV bersempena upacara Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah. Pameran yang julung kalinya diadakan di Istana Negara Lama ini memberi peluang kepada segenap lapisan rakyat melihat dengan lebih dekat lagi Istana Negara Lama, iaitu bangunan yang pernah merakamkan pelbagai peristiwa bersejarah negara. Melalui pameran ini, peranan Jabatan dalam memberikan penerangan dan kefahaman berkenaan dengan Institusi Yang

di-Pertuan Agong telah mendapat sambutan dan dimanfaatkan oleh pengunjung seramai lebih daripada tiga ratus ribu orang.

Antara pencapaian lain pada tahun 2012 termasuklah kejayaan mengadakan Pameran Pintu Gerbang, Pameran Sejarah Bahasa Melayu sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat KPKK, Pameran Perubatan Tradisional dan Pameran Topeng Sedunia. Pameran yang memaparkan pelbagai tema dan konsep ini sememangnya diharap dapat memberikan maklumat yang berguna kepada generasi muda seiring dengan objektif Jabatan, iaitu menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program pendidikan dan pengembangan muzium.

Keupayaan sistem pengurusan sumber manusia pula dipertingkatkan dengan memperkemas jentera organisasi bagi memantapkan lagi keupayaan Jabatan ini dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Pembangunan modal insan amat penting bagi melahirkan warga Jabatan yang kompeten dan berilmu. Pelbagai program latihan berterusan berkaitan dengan bidang permuziuman, kemahiran bahasa, teknologi maklumat, kemahiran komunikasi dilaksanakan. Menerusi proses pembelajaran berterusan, diharapkan setiap kakitangan akan memperoleh keseimbangan dalam pembentukan sahsiah dan nilai-nilai murni serta pengetahuan dan kemahiran yang bersifat profesional.

Penganjuran Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan merupakan aktiviti tahunan yang menghimpunkan warga muzium dari seluruh Malaysia. Selaku peneraju Jawatankuasa Induk Sambutan, JMM telah berjaya menyusun pelbagai aktiviti pada hari sambutan yang telah diadakan di Pekan, Pahang, selaku tuan rumah bagi tahun

2012. Jabatan Muzium Malaysia menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah yang telah berkenan mencemar duli merasmikan Hari Muzium Antarabangsa. Daulat Tuanku!

Penyelidikan dan penerbitan hasil karya pegawai dan penyelidik luar turut menjadi fokus Jabatan ini dalam usaha memelihara, mengekalkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan tentang warisan negara. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 11 judul buku telah diterbitkan antaranya termasuklah Direktori Muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia, Seramik Empayar Johor Abad ke-11-19 dan Buku Muzium Tekstil Negara.

Menyorot kembali segala usaha yang dilaksanakan pada sepanjang tahun 2012, jelas bahawa segala inisiatif yang disasarkan adalah sejajar dengan perkhidmatan teras Jabatan, iaitu pengurusan koleksi, penyelidikan dan penyebaran ilmu pengetahuan. Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha gigih, kerjasama dan sokongan padu semua pihak terutamanya kepada seluruh warga kerja. Usaha ini perlu diteruskan dan dipertingkatkan lagi agar penyebaran maklumat dan perkhidmatan yang memuaskan dapat diberikan kepada masyarakat.

“KUNJUNGILAH MUZIUM”

Salam hormat,

Dato' Ibrahim bin Ismail
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia



PROFIL KORPORAT

PROFIL KORPORAT

Visi

Menjadi institusi permuzeuman unggul di Asia

Misi

1. Mengumpul dan memelihara koleksi artifak yang signifikan.
2. Menghasil dan mendokumentasikan penyelidikan koleksi artifak.
3. Mengadakan pameran-pameran menarik secara berterusan.
4. Menjadi destinasi utama pelancongan.

Objektif

1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pekekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.
2. Menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran program-program pendidikan dan pengembangan muzium.

Fungsi

1. Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara.
2. Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberikan khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
3. Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
4. Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.





SEJARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA: SATU PERJALANAN

Penubuhan awal muzium di Tanah Melayu bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British membuka Muzium Perak yang kemudiannya diikuti penubuhan Muzium Selangor pada tahun 1904. Pada tahun 1953, Muzium Negara Sementara ditubuhkan sehinggalah pada tahun 1963 apabila dirasmikan Muzium Negara yang kekal hingga hari ini yang menjadi nadi dan mercu kepada usaha memartabatkan sejarah warisan negara. Rentetan peristiwa penubuhan muzium-muzium ini berkait rapat dengan penubuhan sebuah jabatan yang menjadi nadi kepada pembangunan dan kemajuan muzium di Malaysia.

Jabatan Muzium yang ditubuhkan dan mula beroperasi di Muzium Selangor pada tahun 1904 adalah bertanggungjawab mengawasi pentadbiran Muzium Perak dan Muzium Selangor. Pada tahun yang sama, kedua-dua muzium ini disatukan menjadi Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Muzium. J.L.Wray dilantik sebagai Pengarah pertama Jabatan Muzium hingga tahun 1908, kemudian digantikan oleh H.C.Robinson hingga tahun 1926, dan C.Boden Kloss hingga tahun 1931.

Pada 1 Januari 1932, Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dibubarkan, dengan itu Jabatan Muzium juga turut dibubarkan dan kedua-dua buah muzium itu dipisahkan semula dan wujud sebagai dua buah muzium yang berasingan. Pemisahan dilakukan selaras dengan pelaksanaan dasar disentralisasi yang dijalankan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu pada tahun tersebut. Usaha mewujudkan semula Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Jabatan Muzium oleh pegawai British, Kapten H.M.Pendlebury yang ketika itu menjawat jawatan Kurator Muzium Selangor mendapat perhatian pemerintah British dan kedua-dua entiti tersebut diwujudkan semula bermula pada tahun 1938. Kapten H.M.Pendlebury telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan Muzium hingga tahun 1941 apabila tentera Jepun mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu. Tentera Jepun ditempatkan di Muzium Selangor bagi menjaga muzium tersebut dan seterusnya, Muzium Selangor ditutup kepada orang awam untuk lawatan.

Walaupun Muzium Selangor ditutup kepada orang awam, tetapi kerja-kerja mengumpul dan menambah koleksi muzium diteruskan apabila Pegawai Pemerintah Tentera Jepun memanggil semula seorang bekas pekerja muzium, iaitu Bachik Mohd Tahir untuk menjaga muzium. Kemudian beliau memanggil semula pekerja Muzium Selangor yang telah berhenti akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pada bulan Jun 1943, empat orang pegawai Jepun dilantik untuk bertugas di Jabatan Muzium yang beribu pejabat di Muzium Selangor. Jabatan Muzium yang baharu

semasa pemerintahan Jepun diketuai oleh Dr. Iwao Hino sebagai Pengarah hingga 2 Mac 1945 apabila Dr. Takahashi dilantik menggantikannya sebagai Pengarah Jabatan Muzium. Tempoh pentadbirannya singkat apabila pada 10 Mac 1945, Muzium Selangor menjadi mangsa pengeboman tentera udara Amerika Syarikat menyebabkan kesemua koleksi bahan pameran di bahagian kanan muzium turut musnah. Koleksi muzium yang terselamat ditempatkan sementara di bilik darjah di Sekolah Convent Bukit Nenas, Kuala Lumpur hingga akhir tahun 1945.

Pada tahun 1946, Pemangku Pengarah Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dilantik sebaik sahaja Jepun menyerahkan pentadbiran Muzium Selangor kepada pemerintah British. Dari tahun 1946 hingga tahun 1948, empat orang Pemangku Pengarah Jabatan Muzium yang juga menjadi Pemangku Pengarah Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dilantik dan salah seorangnya ialah M.W.F.Tweedie, bekas Pengarah Muzium Raffles, Singapura yang berkhidmat hingga tahun 1947 dan kemudiannya digantikan oleh H.T.Padgen. Cadangan supaya dibina sebuah muzium baharu telah dikemukakan oleh H.T.Padgen kepada pihak pemerintah British di Tanah Melayu bagi menggantikan Muzium Selangor sehinggalah akhirnya Muzium Negara Sementara dibina dan dibuka dengan rasminya pada 11 Februari 1953 oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer. Pengarah Jabatan Muzium di Muzium Negara Sementara ini ialah G.de G.Sieveling dan muzium ini diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran.





Pada tahun 1957, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kemudian, Jabatan Muzium diletakkan dalam portfolio Jabatan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1958 hingga tahun 1970. Muzium Negara Sementara telah beroperasi selama lima tahun. Pada tahun 1958, bangunan muzium ini dirobohkan bagi melancarkan projek pembinaan bangunan tetap Muzium Negara.

Penggubalan Dasar Kebudayaan pada tahun 1971 menyaksikan Bahagian Kebudayaan yang sebelumnya di bawah naungan Kementerian Penerangan sejak tahun 1964 diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang turut merangkumi Jabatan Muzium sebagai salah sebuah agensinya. Di samping aktiviti permuziuman, Jabatan Muzium memainkan peranan penting menguruskan hal-hal berkaitan dengan ekskavasi arkeologi, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelenggaraan dan pemertanian monumen bersejarah dan tapak-tapak ekskavasi, mengawal perniagaan antik serta eksport benda purba di bawah Akta Benda Purba 1976. Manakala pada tahun 1978, Jabatan Muzium telah dipindahkan sementara ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

Pada 20 Mei 1987, Jabatan Muzium berpindah kementerian sekali lagi apabila komponen kebudayaan dipisahkan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ia diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Ini diikuti dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada 22 Oktober 1992, seterusnya pada tahun yang sama, distruktur semula dan diberikan nama baharu kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia hingga tahun 2004. Jabatan Muzium berpindah ke kementerian berkenaan bersama Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. Perubahan ini menuntut Jabatan Muzium dan agensi-agensi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberikan penekanan terhadap usaha menggalakkan industri pelancongan di negara ini.

Jabatan Muzium kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993 setelah melalui penyusunan semula struktur organisasi. Jabatan ini memainkan peranan besar untuk memelihara warisan sejarah dan kebudayaan negara. Di samping itu, Jabatan menjadi agensi penting di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam membangunkan produk pelancongan melalui penubuhan muzium-muzium, pemeliharaan tapak bersejarah, warisan budaya serta alam semula jadi negara.

Penyusunan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 menyaksikan Jabatan Muzium dan Antikuiti diletakkan di bawah Kementerian

Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Peranan muzium dalam pembangunan negara bergerak rancak melalui penubuhan lebih banyak lagi muzium sebagai produk pelancongan yang utama seiring dengan keperluan memelihara warisan khazanah negara. Pada 1 Mac 2006, Jabatan Muzium dan Antikuiti bertukar nama kepada Jabatan Muzium Malaysia dengan memberi fokus kepada pengurusan muzium dan koleksi artifak muzium.

Pada 18 Mac 2008, berikutan penyusunan Kabinet, Jabatan Muzium Malaysia dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jabatan Muzium Malaysia kemudiannya diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan apabila Kabinet dirombak sekali lagi pada 9 April 2009. Jabatan Muzium Malaysia sebagai sebuah agensi kerajaan Persekutuan terus berperanan mentadbir dan membangunkan 21 buah muzium persekutuan, di samping memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi negara melalui aktiviti pameran, penyelidikan, penerbitan, program pendidikan serta pengembangan muzium terus diperkasakan.

Pending Melayu



Tahun	Peristiwa
1904	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan Muzium ditubuhkan dan beroperasi di Muzium Selangor yang bertanggungjawab mentadbir Muzium Perak dan Muzium Selangor. ii. Muzium Perak dan Muzium Selangor kemudiannya disatukan menjadi Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu (MNNMB) di bawah pentadbiran Jabatan Muzium.
1932	<ul style="list-style-type: none"> i. 1 Januari, MNNMB dan Jabatan Muzium dibubarkan. ii. Kedua-dua muzium dipisahkan dan wujud sebagai dua muzium yang berasingan.
1938	<p>Jabatan Muzium dan MNNMB diwujudkan semula. Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan kembali di bawah pentadbiran Jabatan Muzium.</p>
1953	<p>Muzium Negara Sementara dirasmikan pada 11 Februari 1953 di bawah tanggungjawab Jabatan Muzium, manakala Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran.</p>
1957	<p>Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Asalnya KKBS di bawah Bahagian Kebudayaan di Kementerian Kebajikan Masyarakat.</p>
1958	<p>Jabatan Muzium diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.</p>
1972	<p>Penggubalan Dasar Kebudayaan 1971, Bahagian Kebudayaan yang merangkumi Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.</p>
1978	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan Muzium dipindahkan seketika ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. ii. 20 Mei, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.
1987	<p>20 Mei, Jabatan Muzium dipindahkan ke Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.</p>
1992	<ul style="list-style-type: none"> i. 22 Oktober – struktur kementerian dikemas kini dan diberi nama baharu kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. ii. Ditukar nama kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia hingga tahun 2004.
1993	<p>Jabatan Muzium diberikan nama baharu iaitu Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993.</p>
2004	<p>27 Mac, kementerian telah diberikan nama baharu, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.</p>
2006	<p>Jabatan Muzium dan Antikuiti diberikan nama baharu, iaitu Jabatan Muzium Malaysia mulai 27 Mac 2006.</p>
2008	<p>18 Mac, kementerian telah diberikan nama baharu, iaitu Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Jabatan Muzium Malaysia di bawah tanggungjawabnya.</p>
2009	<p>9 April, kementerian telah diberikan nama baharu, iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan JMM diletakkan di bawah kementerian ini.</p>

PENGURUSAN TERTINGGI

DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JMM



Kamarul Baharin bin A. Kasim
Pegarah
Muzium Negara



Mohd Azmi bin Mohd Yusof
Pegarah
Jabatan Muzium Malaysia
Wilayah Selatan



Mohamad Shawali bin Haji Badi
Pegarah
Bahagian Pengurusan, Pembangunan
dan Sumber Maklumat



Ruslee bin Ariffin
Ketua Penolong Pegarah
Bahagian Sumber Maklumat



Asmah binti Mohd Wazir
Ketua Penolong Pegarah
Bahagian Teknologi Maklumat



Mohd Razaimi bin Hamat
Pendaftar
Bahagian Pendaftaran



Zainal bin Ariffin
Pengurus
Bahagian Komunikasi Korporat



Dato' Ibrahim bin Ismail
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia



Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff
Timbalan Ketua Pengarah,
Jabatan Muzium Malaysia




Tee Siew Mooi
Pengarah
Muzium Tekstil Negara



Azmi bin Ismail
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Muzium



Esa bin Haron
Pengarah
Galeria Perdana



Zanita binti Anuar
Pengarah
Bahagian Inovasi Muzium



Samsol bin Sahar
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan



Zamrul Amri bin Zakaria
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Konservasi



1



2



3

1. **Spesimen Ikan Paus**
Koleksi Muzium Marin Labuan
2. **Alvis Firefly Tower**
Koleksi Muzium Automobil Nasional
3. **Meriam Raja Jumaat**
Muzium Lukut



**PENGURUSAN,
PEMBANGUNAN,
DAN SUMBER
MAKLUMAT**

PENGURUSAN, PEMBANGUNAN DAN SUMBER MAKLUMAT

PROFIL

Program Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat bertanggungjawab memastikan pengurusan, pembangunan dan sumber maklumat berjalan seiring dengan visi dan misi jabatan. Program ini bertanggungjawab merancang, merangka, mengemaskini dasar/peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek pembangunan, keselamatan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS, pengurusan koleksi, Inovasi muzium serta konservasi.

Pengendalian urusan berkaitan aktiviti pengurusan dan pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pemantapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan, peperiksaan jabatan, hal-hal perkhidmatan pegawai dan kakitangan JMM adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan aset serta pengurusan pelupusan aset jabatan.

Unit Latihan pula yang ditubuhkan pada tahun 2001 bertanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai aktiviti latihan agar setiap kakitangan mempunyai sikap, kemahiran dan pengetahuan bersesuaian yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah mengendalikan pelbagai program latihan berkaitan dengan bidang permuziuman, bahasa, teknologi maklumat, kemahiran (komunikasi, etiket dan lain-lain), pengurusan dan program luar negara.

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab merancang, mengenal pasti dan menguruskan pemerolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisien. Selain itu juga bahagian ini menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset.





Bahagian Sumber Maklumat pula bertanggungjawab menyelaraskan aspek pengurusan sumber maklumat yang terbahagi kepada dua, iaitu Unit Sumber Media bagi membangunkan, menyelenggara, menyelia serta mewujudkan sebuah koleksi maklumat berupa bahan-bahan fotografi dan AV di Jabatan. Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab menyediakan maklumat dengan membekalkan bahan-bahan rujukan serta bacaan. Perkhidmatan ini disediakan khas untuk kakitangan dan juga orang awam khususnya pelajar serta penyelidik. Perpustakaan juga memiliki pelbagai jenis majalah dan akhbar yang sesuai untuk dijadikan rujukan tambahan.

Bahagian Teknologi Maklumat bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi JMM berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baharu berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna, penyelenggaraan aplikasi dalaman JMM, iaitu *Helpdesk*, Blog KP, laman web JMM, penyediaan infrastruktur ICT, khidmat sokongan ICT dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada pada tahap optimum.

Bahagian Pendaftaran berperanan mengumpulkan warisan harta kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi negara dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan dokumen-dokumen yang berkaitan serta mendokumentasi, memelihara dan menyimpankannya sebagai sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, rujukan dan pameran.



Pusat Konservasi Negara pula bertanggungjawab memastikan bahan koleksi Jabatan Muzium Malaysia berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Selain itu, Pusat Konservasi melaksanakan kerja-kerja penganalisan, penyelidikan, rawatan dan pemeliharaan koleksi muzium bagi tujuan pameran, simpanan, pendidikan dan dokumentasi; menjalankan kerja-kerja pencegahan kerosakan dan membaik pulih artifak.

Seterusnya, Bahagian Inovasi Muzium diwujudkan pada 11 Januari 2011 oleh YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM berperanan merancang dan menyelaras program-program kualiti dan inovasi bagi Jabatan untuk memenuhi keperluan standard muzium antarabangsa.



PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Sepanjang tahun 2012, Program Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan terutamanya berkaitan dengan peningkatan sistem maklumat, sumber manusia, projek pembangunan, pengurusan kewangan dan pengurusan koleksi.

Perjawatan

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) mempunyai 418 jawatan daripada pelbagai lapisan gred dan skim perkhidmatan. Ringkasan perjawatan yang diisi pada tahun 2012 adalah seperti dalam jadual di bawah:

Perjawatan Yang Diisi	2012
Pengurusan Tertinggi	3
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	64
Kumpulan Sokongan 1	319
Kumpulan Sokongan 2	96
Jumlah Perjawatan	418

1. Pengambilan Staf

Bagi mengisi kekosongan jawatan, Unit Sumber Manusia, Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab dalam proses pengambilan staf bagi melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang oleh pihak jabatan.

1.1 Staf Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian

Di samping mempunyai staf yang berkhidmat secara tetap, Jabatan Muzium Malaysia juga melantik individu yang mempunyai kepakaran dan bidang pengkhususan akademik yang didapati dapat menyumbang ke arah peningkatan kecemerlangan jabatan khususnya dan perkhidmatan awam amnya. Jabatan telah melantik mereka ini secara kontrak dan juga Pekerja Sambilan Harian (PSH). Sepanjang tahun 2012, seramai 12 orang pegawai lepasan ijazah dan diploma dilantik secara PSH dan telah melantik seorang staf secara kontrak.

1.2 Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan

Sepanjang tahun 2012 ini, urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan telah berjaya dilaksanakan.

Kenaikan Pangkat	2012
Penolong Kurator Gred S27 ke S32	3
Jumlah	3

Kenaikan Pangkat	2012
Kurator Gred S41 ke S44	3
Jumlah	3

Kenaikan Pangkat	2012
Kurator Gred S44 ke S48	1
Jumlah	1

1.3 Persaraan

Seramai sembilan orang pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia telah bersara wajib ataupun bersara secara pilihan dengan JMM.

Bil.	Nama	Tarikh Persaraan	Jawatan Terakhir
1.	Iesnordin bin Malan	2 Februari 2012 (wajib)	Penolong Kurator S32
2.	Md Zin bin Md Shah	15 Mac 2012 (wajib)	Pembantu Am Pejabat N1
3.	Mohamad bin Kamis	2 April 2012 (wajib)	Pekerja Am R4
4.	Zulkifli bin Jaafar	30 Mac 2012 (wajib)	Kurator S48
5.	Saari bin Osman	20 April 2012	Pekerja Awam R4
6.	Khasimah binti Ismail	30 April 2012	Pembantu Muzium S22
7.	Ahmad bin Mohd Salleh	4 Jun 2012	Pekerja Awam R1
8.	Ya'akop bin Mahamud	4 Jun 2012	Pembantu Muzium S22
9.	Zainab binti Ibrahim	31 Disember 2012	Penolong Kurator S27

PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Bagi pencapaian sepanjang tahun 2012, seramai 30 orang kakitangan JMM telah diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Bil.	Nama	Jawatan	Gred	Bahagian/Unit
1.	Asmah binti Mohd Wazir	KPP Teknologi Maklumat	F48	Bahagian Teknologi Maklumat
2.	Raja Suriaty binti Raja Ahmed	Kurator	S41	Muzium Etnologi Dunia Melayu
3.	Zambri bin Unyah	Kurator	S41	Muzium Tekstil
4.	Nor Hasni binti Che Hassan	Pustakawan	S41	Bahagian Penyelidikan
5.	Ahmad Sabri bin Mohamed Hashim	Kurator	S41	Bahagian Pendaftaran
6.	Rohana binti Husin	Kurator	S41	Muzium Negara
7.	Nor Asmah binti Abu Samah	Penolong Kurator	S38	Muzium Tekstil
8.	Ritchie Anak Jonathan Ahi	Penolong Kurator	S32	Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta
9.	Azhar bin Mohamed Noor	Penolong Kurator	S27	Bahagian Komunikasi Korporat
10.	Norhayati binti Che Othman	Penolong Kurator	S27	Pejabat Ketua Pengarah
11.	Hamidah binti Mohd Tahir	Penolong Kurator	S27	Pusat Konservasi
12.	Norazizah binti Masri	Penolong Kurator	S27	Bahagian Perkhidmatan Muzium
13.	Alice Jipius	Penolong Kurator	S27	JMM Wilayah Labuan
14.	Khairul Fahmi bin Md Jahrom	Penolong Kurator	S27	Bahagian Pendaftaran
15.	Repiah binti Palid	Penolong Pegawai Perpustakaan	S27	Unit Perpustakaan
16.	Selvaraju a/l M.Pichaimuthu	Pembantu Muzium	S22	Muzium Perak
17.	Sabariah binti Ishak	Pembantu Tadbir Kewangan	W22	Unit Kewangan
18.	Nur Hamizah Paramesvathi binti Abdullah	Pembantu Muzium	S17	Bahagian Pendaftaran
19.	Muhammad Rizal bin Pata	Pembantu Muzium	S17	Bahagian Perkhidmatan Muzium
20.	Zamri bin Mahamuddin	Pembantu Muzium	S17	Muzium Sungai Lembing
21.	Hanif Bukhari bin Ab Rahim	Pembantu Muzium	S17	Muzium Kota Johor Lama
22.	Roszakiah binti Abdul Rahim	Pembantu Muzium	S17	Unit Sumber Manusia
23.	Yusri bin Ja'afar	Pembantu Muzium	S17	Unit Latihan
24.	Mohamad Naim bin Harun	Pembantu Muzium	S17	Muzium Etnologi Dunia Melayu
25.	Mohd Azlan bin Faidir	Pembantu Muzium	S17	Unit Sumber Manusia
26.	Mohd Hasnor bin Tajul Amar	Pembantu Muzium	S17	Muzium Alam Semula Jadi
27.	Mohd Irwan Shah bin Zainal Abidin	Tukang K2	R11	Muzium Negara
28.	Ludin bin Hassan	Pemandu	R6	Unit Pentadbiran
29.	Mohd Ramazuan bin Salleh	Pembantu Am Pejabat	N1	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
30.	Muhamad Fitri bin Musa	Pengawal Keselamatan	Kp11	Unit Keselamatan

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program Latihan JMM

Sepanjang tahun 2012, JMM telah mengadakan 40 kursus jangka pendek dalam bidang permuziuman (konservasi, koleksi, pameran, penyelidikan, penerbitan, pemasaran dan pendidikan) dan generik (teknologi maklumat, forum kurator, kewangan, keselamatan, motivasi dan keagamaan). Di samping itu, staf JMM juga diberikan peluang untuk mengikuti kursus/latihan/seminar anjuran pihak/jabatan luar bagi meningkatkan kompetensi setiap staf. Sebanyak 322 kursus/latihan/seminar anjuran pihak/jabatan luar telah dihadiri oleh staf JMM.



Antara kursus-kursus anjuran JMM pada tahun 2012.

Unit Latihan juga menyelaraskan penempatan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menjalani latihan praktikal di Jabatan Muzium Malaysia. Sepanjang tahun 2012, seramai 48 orang pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta telah menjalani latihan praktikal di JMM.

Bil.	Nama	Institusi	Peringkat	Program	Penempatan	Tempoh
1.	Muhammad Syairani bin Khairul Anuar	Kolej Poly-Tech Mara Ipoh	Diploma	Multimedia	Bahagian Teknologi Maklumat	16 Januari - 9 April 2012
2.	Nur Hazwani binti Abdul Halim	UiTM Shah Alam	Ijazah	Seni Reka Seramik	Pusat Konservasi	25 Januari - 4 Mac 2012
3.	Nor Atikah binti Ismail	UiTM Shah Alam	Ijazah	Seni Reka Seramik	Pusat Konservasi	25 Januari - 4 Mac 2012
4.	Anis Badariah binti Mohd Hamdan	UiTM Shah Alam	Ijazah	Pengurusan Majlis	Bahagian Komunikasi Koporat	12 Mac - 29 Jun 2012
5.	Narinjit Singh a/l Ranjit Singh	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Antropologi & Sosiologi	Muzium Perak	2 Julai - 30 Ogos 2012
6.	Tuan Zuraimi binti Tuan Mohamad	Universiti Malaysia Kelantan	Ijazah	Pengajian Warisan	Bahagian Penyelidikan	20 Februari - 20 Mei 2012
7.	Nurul Fasiah binti Subakir	Universiti Malaysia Kelantan	Ijazah	Pengajian Warisan	Bahagian Komunikasi Koporat	20 Februari - 20 Mei 2012



Bil.	Nama	Institusi	Peringkat	Program	Penempatan	Tempoh
8.	Nur Izzati binti Abdullah	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Biologi	Muzium Alam Semula Jadi	2 Julai - 21 September 2012
9.	Nur Amalina binti Mohd Izam	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Biologi	Muzium Alam Semula Jadi	2 Julai - 21 September 2012
10.	Muhamad Azmi bin Mohammed	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Biologi	Muzium Alam Semula Jadi	2 Julai - 21 September 2012
11.	Tuan Noormarziani binti Tuan Hussin	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Sejarah	Bahagian Pendaftaran	26 Mac - 18 Mei 2012
12.	Norhashimah binti Hassan	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Kebudayaan dan Kesenian Melayu	Bahagian Pendaftaran	2 Julai - 30 Ogos 2012
13.	Siti Dayana binti Husain	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Kebudayaan dan Kesenian Melayu	Bahagian Pendaftaran	2 Julai - 30 Ogos 2012
14.	Kamarudin bin Mohd Noh	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Sejarah	Bahagian Pendaftaran	2 Julai - 30 Ogos 2012
15.	Mohamad Aznan bin Che Me	Universiti Malaysia Sarawak	Ijazah	Pengurusan Seni	Muzium Negara	25 Jun - 19 Ogos 2012
16.	Akram bin Mohamad Ismail	Universiti Sultan Zainal Abidin	Ijazah	Bahasa Inggeris	Muzium Perak	25 Jun - 30 Ogos 2012
17.	Mohmad Hanafi bin Akbar	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	Sejarah	Muzium Negara	2 Julai - 30 Ogos 2012
18.	Izz Zayani binti Sarbini	Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)		Penulisan Kreatif	Bahagian Penyelidikan	1 Jun - 20 Julai 2012
19.	Raja Nurhazirah binti Raja Abd Kadir	UiTM Shah Alam		Senireka Tekstil	Muzium Tekstil	16 Julai - 30 Ogos 2012
21.	Marina binti Karunzaman	Muzium Pendidikan Nasional			Bahagian Pendaftaran	3 September - 14 September 2012
22.	Ahmad Nazri bin Ismail	Muzium Pendidikan Nasional			Bahagian Pendaftaran	3 September - 14 September 2012
23.	Mohd Halimi bin Miswan	Muzium Pendidikan Nasional			Bahagian Pendaftaran	3 September - 14 September 2012

Pendidikan Lanjutan

Jabatan Muzium Malaysia sentiasa menggalakkan stafnya terus menimba ilmu baik secara formal mahupun tidak formal. Justeru, atas galakan dan sokongan daripada Ketua Pengarah JMM sendiri maka ramai warga JMM melanjutkan pelajaran secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) mahupun sepenuh masa. Berikut merupakan senarai nama staf yang melanjutkan pelajaran bagi tahun 2012:

Bil.	Nama	Maklumat Pengajian		
		Kaedah	IPTA	Bidang
1.	Roslelawati binti Abdullah @ Awang	Sarjana Sains Sosial (Sejarah)	UM	Sepenuh Masa
2.	Alice Jipius	Sarjana Sains Sosial (Sejarah)	UMS	PJJ
3.	Maisaraf binti Marman	Sarjana Sastera Seni Lukis dan Seni Reka	UiTM	PJJ
4.	Abdur Rahim bin Marzuki	Sarjana Muda Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
5.	Azlina binti Yahya	Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)	OUM	PJJ
6.	Hairunnisyam binti Md Jamil	Sarjana Muda Sains Komputer dan Pendidikan	UTM	PJJ
7.	Mohd Fairuz bin Mohamed Kassim	Sarjana Muda Pengurusan Awam (Kepujian)	UUM	PJJ
8.	Mokhtar bin Tamby Ahmad	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
9.	Noraini binti Osman	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
10.	Mohammad Azhari bin Mohd Amir	Sarjana Muda Teknologi Maklumat	OUM	PJJ
11.	Norizan binti Baharuddin	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
12.	Norhayati binti Ismail	Sarjana Muda sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
13.	Nur Selviyanti binti Jamril	Sarjana Muda Perakaunan (BAC)	UKM	PJJ
14.	Peterson Augustine ak Augustin Jadan	Sarjana Muda Pengurusan Awam (Kepujian)	UUM	PJJ
15.	Ruhafizah binti Ab. Ghani	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
16.	Zulia Maheda binti Mustaffa	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
17.	Mohd Faudzi bin Sulaiman	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan	USM	PJJ
18.	Kadir Bashah bin A.M Haja Mohaideen	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
19.	Norhaliza binti Harun	Sarjana Muda Komunikasi	UUM	PJJ
20.	Shafinaz binti Ahmad Shahrir	Sarjana Muda Komunikasi Massa	UiTM	PJJ

Bil	Nama	Maklumat Pengajian		
		Kaedah	IPTA	Bidang
21.	Ahmad Izuddin bin Ibrahim	Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi	UiTM	PJJ
22.	Nur Liyana binti Mohd Tahir	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
23.	Mohd Izwan bin Badrudin	Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi)	USM	PJJ
24.	Norhidayah binti Ramely	Sarjana Muda Komunikasi	UPM	PJJ
25.	Osman bin Abu Hassan	Sarjana Muda Sastera	USM	PJJ

*PJJ: Pendidikan Jarak Jauh

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2012, beberapa projek ICT telah dijalankan di JMM mengikut klasifikasi, iaitu: melaksanakan perolehan perkakasan dan perisian; menguruskan rangkaian; mengurus perkhidmatan Internet dan e-mel; menyokong keperluan perkakasan dan perisian, termasuk khidmat kepakaran dan runding cara; membangun dan menyelenggara sistem aplikasi dan menguruskan laman web mengurus keselamatan teknologi maklumat.

Bil.	Tugas/Perkhidmatan	Bulan
1.	Peningkatan Modul Aplikasi Metering dan WEB Metering bagi Perisian <i>Tcoistream/Installation and Configuration</i>	Februari
2.	<i>Service Charges For Attending Biometric Fingerprint Attendance January 2012 (1st Quarter 2012)</i>	Mac
3.	Bekalan ' <i>Thremal Transfer Ribbon</i> ' Ribbon Resit dan Kertas Resit bagi Sistem Tiket JMM	Mac
4.	Penyelenggaraan Sistem Tiket Pameran Khas Nestle 100 Tahun	April
5.	Penyelenggaraan Komputer Sistem Kedatangan Biometrik Muzium Taiping Perak	April
6.	Penyelenggaraan Komputer Sistem Tiket Pameran Khas	April
7.	Penyelenggaraan dan sokongan Sistem Kedatangan Biometrik JMM April – Jun 2012	April
8.	Sewaan Kelengkapan Sistem Statistik Pengunjung Pameran Khas Raja Kita	April
9.	Membekal & Memasang Aksesori Komputer serta Alatan <i>Troubleshooting</i>	Mei

Bil.	Tugas/Perkhidmatan	Bulan
10.	Menaiktaraf Pelayan Antispam di Jabatan Muzium Malaysia	Mei
11.	Penyenggaraan Perkakasan <i>WEB Content Filter Blue Coat and Antispam Sophos Puremessage</i>	Mei
12.	Perkhidmatan Penggantian dan Menaiktaraf Perkakasan <i>Network Attached Storage (NAS)</i> untuk kegunaan warga JMM	Mei
13.	Sewaan Kelengkapan Sistem Statistik Pengunjung Pameran Khas Raja Kita	Jun
14.	Bayaran Yuran dan Lesen Domain bagi WEB & WEBMAIL	Julai
15.	Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Sokongan Sistem Kedatangan Biometrik JMM Julai – Sept 2012	Ogos
16.	Sewaan Kelengkapan Sistem Statistik Pengunjung Pameran Khas Raja Kita.	Ogos
17.	Sewaan Hosting Video <i>Online</i> bagi Laman WEB Rasmi JMM	September
18.	Perkhidmatan Pemasangan Konfigurasi Pengujian serta Pentauliahan bagi kerja-kerja Menaik taraf Rangkaian 1 Gov*Net HRMIS & Persediaan Tapak untuk Sistem Tiket	September
19.	Sewaan Samsung Galaxy Tab 2 10.1 Untuk Pelaksanaan Mesyuarat dan Pamaklumat Program/Promosi Secara ' <i>Paperless</i> ' (September 2012)	Oktober
20.	Menaiktaraf Rangkaian Fizikal Internet MEDM	Oktober
21.	Penyelenggaraan Juniper SSG-550M-SH	Oktober
22.	Perkhidmatan <i>Hosting</i> dan Penyelenggaraan Sistem Pengunjung Pameran Raja Kita Julai – Disember 2012	Oktober
23.	Penyelenggaraan Sistem Kedatangan Biometrik dan Penyediaan Sistem Tiket Pameran Khas – MAGIS Perubatan Tradisional	Oktober
24.	Perkhidmatan Sistem keratan Akhbar (SKA) dan Sistem Galeri Foto (SGF)	November
25.	Sewaan Samsung Galaxy Tab 2 10.1 Untuk Pelaksanaan Mesyuarat dan Pamaklumat Program/Promosi Secara ' <i>Paperless</i> ' (Oktober 2012)	November
26.	Sewaan Samsung Galaxy Tab 2 10.1 Untuk Pelaksanaan Mesyuarat & Pamaklumat Program/Promosi Secara ' <i>Paperless</i> ' (November 2012)	November
27.	Bekalan Label Berkod dan Ribbon untuk Kegunaan Pelabelan Aset Harta Modal dan Inventori Di JMM	November
28.	Penyelenggaraan Kemudahan Laman WEB Rasmi Jabatan Muzium Malaysia	November
29.	Perolehan Pencetak Bagi Sistem Tiket	Disember
30.	Perolehan Kelengkapan Perkakasan <i>Workstation</i> Sistem Tiket JMM	Disember

KESELAMATAN

Unit Keselamatan Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab merancang dan memantau sistem kawalan keselamatan dalam jabatan, memberi khidmat nasihat kepada Ketua Pengarah dari segi pengurusan keselamatan dalam jabatan, memantau dan melaporkan pelaksanaan sistem kawalan keselamatan dalam jabatan kepada pengurusan tertinggi JMM, memantau pematuhan disiplin dalam kalangan Pengawal Keselamatan serta merancang strategi untuk meningkatkan kawalan keselamatan di jabatan.

Bil.	Majlis/ Program	Tarikh	Tempat	Tetamu Kehormat
1.	Karnival Perdana Komoditi 1 Malaysia	6-8 Januari	Bukit Sentosa Hulu Selangor	YAB Perdana Menteri Malaysia dan Menteri KPKK
2.	Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina 2012	28 Januari	Tapak Lapangan Terbang Lama, Setiawan, Perak	YAB Perdana Menteri Malaysia dan Menteri KPKK
3.	Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tadau Keamatan	9 Jun	Keningau, Sabah	YAB Perdana Menteri Malaysia dan Menteri KPKK
4.	Kempen Kibar Jalur Gemilang	17 Julai	Brickfield, Kampung Baru & Jalan Petaling Kuala Lumpur	YAB Perdana Menteri Malaysia dan Menteri-menteri Kabinet
5.	Perhimpunan Janji Ditepati dan Merdeka Raya	31 Ogos	Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur	YAB Perdana Menteri Malaysia dan Menteri KPKK
6.	Sambutan Hari Malaysia	16 September	Kampung Assyakirin, Bintulu Serawak	YAB Perdana Menteri Malaysia dan Menteri KPKK
7.	Majlis Rumah Terbuka Malaysia Deepavali 2012	17 November	Ladang Info Ternak Sg. Siput, Perak	YAB Perdana Menteri Malaysia dan Menteri KPKK
8.	Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas dan Sambutan Tahun Baru 2013	31 Disember	Dataran Merdeka, Kuala Lumpur	YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KPKK

Sepanjang majlis tersebut berlangsung, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya menguruskan hal berkaitan keselamatan dengan jayanya dan mendapat pujian daripada pelbagai agensi dan jabatan.

SUMBER MAKLUMAT

Sumber Media

Unit Sumber Media Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab membangunkan, menyelenggara, menyelia serta mewujudkan sebuah koleksi maklumat berupa bahan-bahan dan AV di Jabatan.

Pada tahun 2012, Unit Sumber Media telah memperoleh sebanyak 18 unit kamera Nikon D7000 untuk diagihkan kepada muzium-muzium dan bahagian-bahagian. Sepanjang tahun 2012, Unit Sumber Media JMM telah merakamkan pelbagai aktiviti mengikut kategori seperti yang berikut.

Bil.	Kategori	Jumlah Gambar
1.	Monumen	200
2.	Penyelidikan Masyarakat Orang Bugis di Makasar Sulawesi Selatan	1048
3.	Pameran	1715
4.	Peristiwa Jabatan	20148

Jumlah jualan gambar pada tahun 2012 sebanyak RM 1,200.00.

Perpustakaan

1. Pembelian

Unit Perpustakaan, Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab mengumpul, menyimpan dan menyebarkan pelbagai jenis maklumat permuziuman kepada pengunjung disamping menyediakan sumber-sumber maklumat bidang permuziuman serta bidang yang berkaitan kepada pengunjung perpustakaan.

Pada tahun 2012, Unit Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia telah membuat pembelian sebanyak 708 naskhah monograf yang bernilai RM98,494.46 menjadikan jumlah keseluruhan koleksi monograf JMM berjumlah 22746 naskhah.

Pembelian Monograf Tahun 2012	708 naskhah	414 Judul	RM98,494.46
Jumlah koleksi Monograf hingga tahun 2012	22746 naskhah		

Hadiah dan Pertukaran 2012

Hadiah dan Pertukaran Tahun 2012 (Monograf)	433 naskhah
---	-------------

Anggaran Sejarah bahasa



300 juta penduduk dunia bertutur bahasa Melayu. Hampir 300 juta penduduk di Singapura, Kemboja, Thailand, Filipina, Sri Lanka, Afrika Selatan, Madagaskar, Pulau Cocos dan Pulau Krismas di Australia bertutur bahasa Melayu.

Rais juga mengingatkan rakyat Malaysia supaya tidak melupakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, pemerdagangan atau kegemilangan zaman berkecuali tidak mati seperti ini.

Sementara itu ketika melancarkan buku *The Precious Gift* yang diterjemahkan daripada karya agung Melayu, *Tuhfat Al-Nafis*, beliau memperingatkan agar kegemilangan zaman berkecuali tidak mati seperti ini.

Sementara itu ketika melancarkan buku *The Precious Gift* yang diterjemahkan daripada karya agung Melayu, *Tuhfat Al-Nafis*, beliau memperingatkan agar kegemilangan zaman berkecuali tidak mati seperti ini.

Rais (dua dari kanan) melancarkan buku karya terjemahan *Tuhfat Al-Nafis* oleh Profesor Emeritus Dr. Virginia Hooker (kiri) di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur, semalam.

Perluas Kamus Muzium

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Menteri Penterangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim mahu Muzium Negara memulakan pengamiran Pameran Sejarah Bahasa Melayu yang kini berproses di muzium itu ke seluruh negara.

Beliau berkata, Muzium Negara perlu memaparkan teknik dan peralatan yang lebih menarik dalam memaparkan perkembangan sejarah bahasa ini.

Menerusi ini, antara lain bertujuan melalui grafik yang lebih menarik, naratif (naratif) yang tepat, fakta sejarah yang mudah difahami dengan pameran, dan sebagainya, pameran itu akan turut diperluaskan ke seluruh dan

Pameran ini akan diperolehi (tambah baik) dengan nasihat daripada panel khas supaya beberapa aspek lain dapat ditonjolkan secara khusus kepada bahasa Melayu, klasik dan peraturannya. Kata Rais kepada Penterangan selepas lawat pameran itu hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Penterangan, Komu-



Rais Yatim melihat sambil memberi penerangan semasa membuat lawatan Pameran Sejarah Bahasa Melayu di Muzium Negara, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Ibrahim Ismail (Kiri). - BERHKA



2 **Perluas Kamus Muzium**

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Menteri Penterangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim mahu Muzium Negara memulakan pengamiran Pameran Sejarah Bahasa Melayu yang kini berproses di muzium itu ke seluruh negara.

Beliau berkata, Muzium Negara perlu memaparkan teknik dan peralatan yang lebih menarik dalam memaparkan perkembangan sejarah bahasa ini.

Menerusi ini, antara lain bertujuan melalui grafik yang lebih menarik, naratif (naratif) yang tepat, fakta sejarah yang mudah difahami dengan pameran, dan sebagainya, pameran itu akan turut diperluaskan ke seluruh dan

Pameran ini akan diperolehi (tambah baik) dengan nasihat daripada panel khas supaya beberapa aspek lain dapat ditonjolkan secara khusus kepada bahasa Melayu, klasik dan peraturannya. Kata Rais kepada Penterangan selepas lawat pameran itu hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Penterangan, Komu-

2. Koleksi Keratan Akhbar (Subjek Muzium dan Subjek yang Berkaitan)

Nama Akhbar	Jumlah Keratan
Utusan Malaysia	228
Berita Harian	199
Tamil Nesan	11
Makkal Osai	-
Sinar	53
Kosmo	160
Harian Metro	68
The Star	107
New Straits Time	184
Malay Mail	9
Nanyang Siang Pau	-
Oriental Daily	-
Shin Chiew Daily	-
Lain-lain Bahan Rujukan	10
Jumlah	1029

3. Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

Sistem Pembekalan Penerbitan	10 Unit
------------------------------	---------

Perubahan tradisi

Perubahan tradisi dalam masyarakat Melayu, khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat istiadat, telah menjadi topik yang hangat dibincangkan. Perubahan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti globalisasi, kemajuan teknologi, dan pengaruh budaya asing.

Salah satu contoh perubahan adalah dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat istiadat, seperti upacara adat dan tradisi. Perubahan ini telah membawa kepada perubahan dalam cara-cara berinteraksi dan berhubung dengan orang lain.

Perubahan ini juga telah membawa kepada perubahan dalam cara-cara berinteraksi dan berhubung dengan orang lain. Perubahan ini telah membawa kepada perubahan dalam cara-cara berinteraksi dan berhubung dengan orang lain.

செய்திகளின் கணக்கீடு

தொன்மைமிகக் ஜூபன் தற்காப்புக் கலைக் கண்காட்சியின் மியூசியம் நெகரா அழைக்கிறார்

தொன்மைமிகக் ஜூபன் தற்காப்புக் கலைக் கண்காட்சியின் மியூசியம் நெகரா அழைக்கிறார். இது ஒரு கலாச்சார நிகழ்வு ஆகும், இது மலேசியாவின் மியூசியம் நெகராவுக்கு அருகில் உள்ளது.

இந்த கண்காட்சி மலேசியாவின் மியூசியம் நெகராவுக்கு அருகில் உள்ளது. இது ஒரு கலாச்சார நிகழ்வு ஆகும், இது மலேசியாவின் மியூசியம் நெகராவுக்கு அருகில் உள்ளது.

இந்த கண்காட்சி மலேசியாவின் மியூசியம் நெகராவுக்கு அருகில் உள்ளது. இது ஒரு கலாச்சார நிகழ்வு ஆகும், இது மலேசியாவின் மியூசியம் நெகராவுக்கு அருகில் உள்ளது.

4. Statistik Pelawat Tahun 2012

4.1 Pengunjung Perpustakaan

Jumlah pengunjung Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia pada tahun 2012.

Bulan	Staf Jabatan Muzium Malaysia (orang)	Pelawat dari Luar (orang)
Januari	261	40
Februari	140	12
Mac	320	30
April	224	10
Mei	225	20
Jun	300	15
Julai	324	24
Ogos	295	16
September	187	5
Oktober	230	12
November	150	10
Disember	170	17
Jumlah	2826	211

4.2 Bahan Rujukan Perpustakaan

Jumlah pengunjung yang menggunakan bahan-bahan rujukan perpustakaan JMM pada tahun 2012.

Pengkelasan	Jumlah (orang)
Kebudayaan	42
Muzium	25
Sejarah/Perang	45
Grafik/Seni	7
Perlancongan/Tempat Bersejarah	50
Tokoh	10
Alam Semula Jadi/Haiwan	10
Pakaian/Tekstil	30
Seni bina	26
Orang Asli/Peribumi	15
Akhbar/Fotokopi	467
Jumlah	727



BUKU: DUNIA TANPA SEMPADAN

BOOKS: WORLD WITHOUT BORDERS

27 April - 6 Mei 2012

10.00 pagi - 7.00 malam
(Isnin - Khamis)

10.00 pagi - 9.00 malam
(Jumaat, Sabtu, Ahad, dan cuti Umum)

**Pusat Dagangan Dunia Putra
(PWTC)**

Kuala Lumpur, Malaysia

**MASUK
PERCUMA**

5. Jumlah Jualan

Penjualan buku telah diadakan dalam seminar, forum dan bengkel anjuran Jabatan Muzium Malaysia. Manakala jualan luar turut giat dijalankan dari masa ke masa, contohnya pada Pesta Buku Antarabangsa 2012, Forum Kurator 2012 dan sepanjang berlangsungnya Hari Muzium Antarabangsa 2012. Pada tahun 2012, penjualan terbitan Jabatan Muzium Malaysia berjumlah RM41,382.10. Strategi pemasaran yang meluas dan penerbitan terbaharu turut menyumbang meningkatkan penjualan buku.

6. Perolehan Terbitan Bersiri Tahun 2012

Terbitan Bersiri	Jumlah Terbitan (unit)
Diberi Percuma	201
Dilanggan	228
Jumlah Keseluruhan	429 unit

INOVASI MUZIUM

Bahagian Inovasi Muzium, Jabatan Muzium Malaysia berperanan merancang dan menyelaras program-program kualiti dan inovasi bagi jabatan untuk memenuhi keperluan standard muzium antarabangsa.

Fasa pertama pengurusan inovasi muzium telah diterokai dengan mengenal pasti masalah-masalah kerja dan jurang pencapaian JMM yang boleh diselesaikan melalui kaedah inovasi. Tinjauan secara bermesyuarat, temu bual dan lawatan ke 12 buah muzium (Muzium Alam Semulajadi, Muzium Ethnologi Dunia Melayu, Muzium Sungai Lembing, Muzium Lukut, Muzium Negara, Muzium Seni dan Kraf Orang Asli, Muzium Automobil, Muzium Tekstil Negara, Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan, Muzium Chimney dan Galeria Perdana) dilaksanakan.

Hasil tinjauan tersebut, Bahagian Inovasi Muzium telah menggariskan strategi peningkatan inovasi mengikut lima teras yang diserap ke dalam FM dan MPK Bahagian:

- i. Menyediakan dan merancang integrasi semua unit/bahagian jabatan ke arah penyediaan perkhidmatan inovasi mengikut keperluan JMM
- ii. Membantu Ketua Pengarah menambah baik program sedia ada dari masa ke semasa dengan input inovatif
- iii. Mengenal pasti penanda aras: kecemerlangan staf dalam mengaplikasi inovasi dalam budaya kerja
- iv. Membantu menyediakan produk inovatif termasuk : pameran/penerbitan/latihan/program JMM
- v. Menyediakan Dasar Inovasi Muzium bagi pelaksanaan inovas





1



2



3



4

1. **Keris Pendek**
Koleksi Muzium Kota Kayang

2. **Rangka Beruang**
Koleksi Muzium Perak

3. **Makam Allahyarham Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim**
Koleksi Muzium Matang

4. **Model Rumah Tok Ku Paloh**
Koleksi Muzium Seni Bina Malaysia



**PROGRAM
PAMERAN**



PROGRAM PAMERAN

PROFIL

Pameran merupakan kegiatan utama Jabatan Muzium Malaysia. Pameran dikategorikan kepada Pameran tetap, Pameran Sementara, Pameran Khas dan Pameran Bergerak (pengembangan sejarah, budaya, warisan dan alam semula jadi). Bahagian Perkhidmatan Muzium merupakan penggerak atau pelaksana utama dalam mencorakkan sesuatu pameran. Bahagian ini juga berperanan memberikan khidmat nasihat kepakaran dan perundingan kepada muzium-muzium negeri, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta institusi pengajian tinggi dalam pengurusan, penubuhan dan pameran muzium serta merangka dan melaksanakan perkhidmatan pengisian pameran muzium-muzium baharu jabatan dan kerja-kerja ubahsuai naik taraf.

PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2012, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya melaksanakan sembilan pameran sementara dan 10 pameran bergerak.



PAMERAN SEMENTARA

Pameran Pintu Gerbang

Pameran Pintu Gerbang diadakan pada 17 Mac hingga 17 Mei 2012 bertempat di Galeri 2, JMM. Pameran ini menyetengahkan 13 koleksi pintu gerbang. Semua koleksi pintu gerbang ini ialah jenis ukiran kayu yang mana sebanyak 10 koleksi adalah dari sembilan koleksi kaum Melayu khususnya pantai timur, tiga koleksi dari kaum Cina dan satu koleksi dari Indonesia. Objektif pameran ini untuk mempamerkan kepada umum tentang keunikan dan keindahan pintu gerbang Nusantara, mendidik masyarakat memahami fungsi penggunaan pintu gerbang alam Nusantara khususnya di istana-istana Melayu, candi-candi dan rumah pembesar, selain memberikan pemahaman kepada umum tentang motif, reka bentuk dan simbol yang terdapat pada sesebuah pintu gerbang terutamanya dari segi aspek budaya. Sambutan daripada pelbagai lapisan masyarakat amat menggalakkan terutamanya mereka yang mengagumi seni bina tradisional.





Pameran Raja Kita

Pameran Raja Kita diadakan sebagai pendekatan untuk memperkenalkan dan merapatkan lagi hubungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah dengan rakyat jelata. Pameran Raja Kita diadakan bermula pada 16 April hingga 31 Disember 2012 bertempat di Balairung Seri Istana Negara Lama, Kuala Lumpur. Ia mempamerkan pakaian Istiadat, alat-alat kebesaran diraja serta biografi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Baginda Raja Permaisuri Agong. Pameran yang julung kalinya diadakan di Istana Negara lama yang merupakan tempat bersemayam Yang di-Pertuan Agong sebelum berpindah ke Istana Negara baharu di Jalan Duta. Pameran ini secara umumnya menjelaskan peranan dan kedudukan Institusi Yang di-Pertuan Agong dan konsep Raja Berpelembagaan dalam sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen di negara. Di samping memperkenalkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV dan Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong kepada rakyat jelata sempena pelantikan Baginda pada 13 Disember 2011.



Pameran Alat Muzik Tradisional

Pameran Alat Muzik Tradisional merupakan salah satu daripada pengisian sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa. Pameran yang diadakan pada 17 - 20 Mei 2012 di Dataran Muzium Negara ini memberikan peluang kepada masyarakat untuk mengenali dengan lebih dekat budaya serta warisan negeri-negeri di Malaysia. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah memilih "Pameran Alat Muzik Tradisional" sebagai tajuk pameran kali ini. Alat Muzik Tradisional Masyarakat Malaysia dipilih bersesuaian dengan konsep 1Malaysia yang sedang dipupuk dalam kehidupan rakyat Malaysia. Kepelbagaian alat muzik tradisional di Malaysia jelas menggambarkan warisan seni muzik yang kaya. Pameran tersebut merangkumi panel informasi dan disokong oleh alat-alat muzik terpilih. Selain memaparkan jenis-jenis alat muzik, pameran itu turut memberikan maklumat mengenai alat muzik pelbagai kaum di Malaysia.



Ketopong pelik (kawari kabuto) : tanduk lembu



Pameran Semangat Budo : Sejarah Seni

Mempertahankan Diri Jepun

Pameran Semangat Budo: Sejarah seni bela diri Jepun dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Japan's Foundation Kuala Lumpur (JFKL). Pameran bermula pada 1 Jun hingga 3 Julai 2012 bertempat di Galeri 2, JMM ini memaparkan sejarah dan latar belakang seni bela diri Jepun (*Bujutsu*) serta perkembangan dan perubahannya dalam kehidupan seharian masyarakat sejak abad kelapan Masihi. Terdapat pelbagai jenis maklumat seni mempertahankan diri masyarakat Jepun dipaparkan dalam pameran itu. Antaranya termasuklah kendo, kyudo, naginata, kempo dan jukendo. Sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan. Rata-rata pengunjung begitu teruja untuk mengetahui sejarah dan melihat sendiri koleksi seni mempertahankan diri Jepun. Aktiviti sampingan, iaitu pertunjukan demonstrasi seni mempertahankan diri masyarakat Jepun seperti karate, aikido dan kendo memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada pelawat.



Pameran Belut

Pameran Belut berlangsung selama tiga bulan iaitu dari 25 Jun hingga 25 Ogos 2012 di Muzium Marin Labuan. Majlis pelancaran pameran diadakan pada 25 Jun 2012 dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Dato' Ibrahim bin Ismail. Maklumat lengkap dan menarik berkenaan spesies belut yang ada di dalam laut dipamerkan kepada pengunjung. Pameran bertujuan untuk memberikan maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat berkaitan dengan keistimewaan serta keunikan belut terhadap kesejahteraan manusia dan alam sekitar. Sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan. Pengunjung begitu teruja untuk mengetahui fakta menarik mengenai belut.



Pameran Sejarah Bahasa Melayu

Pameran Sejarah Bahasa Melayu telah diadakan di Muzium Negara bermula pada 1 September hingga 29 November 2012. Ia merupakan pameran sementara anjuran Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Pameran ini antara lainnya memaparkan tentang sejarah dan perkembangan bahasa Melayu mengikut daerah, dialek sosial, peranan penggunaan bahasa, tokoh-tokoh dan hasil karya, tanggungjawab institusi-institusi dan polisi berkaitan bahasa Melayu. Pameran yang berkonsepkan sejarah tersebut memaparkan koleksi artifak seperti batu bersurat dan mempamerkan latar belakang serta sejarah bahasa Melayu bermula dari zaman kegemilangannya hingga kini. Pameran diadakan bertujuan memupuk semangat sayangkan negara serta bahasa ibunda sendiri dan selaras dengan sambutan bulan kemerdekaan dan hari Malaysia yang lalu.





Pameran Perubatan Tradisional

Pameran Perubatan Tradisional telah diadakan pada 15 September hingga 1 Disember 2012 bertempat di Galeri 2, Muzium Negara. Pameran ini secara keseluruhannya mempamerkan kepelbagaian kaedah perubatan tradisional kaum-kaum utama di Malaysia. Sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan. Pengunjung begitu teruja untuk mengetahui fakta menarik mengenai perubatan tradisional secara tidak langsung memberikan peluang kepada pengunjung untuk merasai pengalaman menggunakan perubatan tradisional.



Pameran Dunia Muzinovasi

Pameran bertajuk "Dunia Muzinovasi" telah diadakan sempena Sambutan Hari Inovasi KPKK. Pameran yang diadakan mulai 30 Oktober hingga 1 November 2012 ini merupakan cetusan idea ahli Kumpulan Inovasi Kreatif (KIK) JMM yang memperkenalkan satu kod yang dipanggil Kod QR yang dijenamakan sebagai *da'muse Code*. *QR Code* merupakan kod 2D yang boleh menyimpan data di dalamnya. Ia boleh menyimpan alamat laman web, maklumat sesuatu perkara, alamat e-mel, karangan, video dan banyak lagi. *Da'Muse Code* ialah penghubung antara artifak dan maklumat. Berasaskan kepada aplikasi *QR Code* atau *Quick Response* yang memaparkan satu kod segi empat yang menyerupai kod-kod lain yang boleh dijumpai pada kebanyakan produk. Jabatan Muzium Malaysia telah memenangi tempat ketiga bagi kategori pameran terbaik. Sambutan untuk pameran ini amat menggalakkan kerana pengunjung begitu teruja menyaksikan ciptaan dan inovasi baharu yang kreatif dan segar yang diperkenalkan oleh jabatan dan agensi yang mengambil bahagian.



Topeng Tarian Rakyat Jepun

Pameran Topeng Sedunia

Pameran Topeng Sedunia telah diadakan pada 20 Disember 2012 hingga 20 Mac 2013 bertempat di Galeri 2 dan Galeri 3, JMM yang bertujuan memberikan kefahaman tentang latar belakang sejarah dan sosiobudaya masyarakat umum di dunia, khususnya di negara yang mengamalkan kebudayaan topeng, memperlihatkan keunikan budaya topeng berdasarkan motif dan penciptaan reka bentuk, memberikan kefahaman berkaitan falsafah pemakaian topeng yang diamalkan secara global. Sistem audio visual seperti tayangan video mengenai upacara ritual yang melibatkan penggunaan topeng. Terdapat juga interaktif "Magic Mirror" yang memaparkan wajah pengunjung di sebalik topeng. Persembahan multimedia banyak membantu menceriaikan dan mempelbagaikan aktiviti serta mewujudkan suasana yang baharu dalam cara penyampaian maklumat. Pameran ini berjaya menarik kunjungan pelawat daripada pelbagai peringkat usia kerana menyediakan pelbagai aktiviti sampingan yang sesuai untuk golongan dewasa dan kanak-kanak.

Pameran “Biru - Shibori . Batik . Silkscreen”

Pameran Biru – ‘Shibori . Batik . Silkscreen’ telah berlangsung pada 1 Ogos hingga 9 September 2012 di Galeri Saindera. Pameran ini diadakan dengan kerjasama antara pihak Muzium Tekstil Negara dan Institut Seni Lukis Malaysia. Majlis perasmian disempurnakan oleh Dato’ Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM. Pameran ini meneroka penciptaan dan makna warna biru pada tekstil yang dihasilkan melalui teknik shibori, sutera saring dan batik, dengan penekanan khusus kepada penggunaan pewarna biru untuk mencapai karya-karya seni. Pameran ini mengetengahkan 43 helai tekstil biru sebagai hiasan dinding dan reka corak berseni dalam bentuk helai kain dengan ukuran tiga ke empat meter panjang yang dihasilkan sendiri oleh pensyarah dan para pelajar Institut Seni Lukis Malaysia.

Pameran Seni Alat Tenun

Teknologi pembuatan tekstil telah diperkenalkan melalui kaedah tradisional, namun telah diperkembangkan kepada penggunaan teknologi moden dengan mengekalkan nilai-nilai estetika yang tinggi di Asia Tenggara. Peralatan tradisional masih lagi digunakan untuk menenun seperti mesin tenun atau kek, namun teknologi hari ini telah membenarkan reka corak yang lebih dinamik dihasilkan. Pameran Seni Alat Tenun telah diadakan pada 28 Disember 2012 hingga 10 Mac 2013 di Galeri Saindera. KP JMM Dato’ Ibrahim bin Ismail telah merasmikan pameran ini pada 28 Disember 2012. Antara tarikan pameran ini termasuklah pelbagai alat tenun dan tekstil dari Asia Tenggara, serta pelbagai bentuk benang dan pewarna asli yang digunakan.

PAMERAN BERGERAK

Di samping pameran sementara, Bahagian Perkhidmatan Muzium juga turut menjalankan Pameran Bergerak di beberapa institusi terpilih antaranya:

Pameran Muzium dan Kerjaya (Karnival Komuniti 1 Malaysia)

Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah berganding bahu menjayakan Karnival Perdana Komuniti 1 Malaysia pada 6 hingga 8 Januari 2011 bertempat di Padang Jalan Kantan, Bukit Sentosa, Hulu Selangor, Selangor. Program ini telah dirasmikan pada 6 Januari 2012 oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Razak dan telah dihadiri oleh seramai 20 ribu masyarakat setempat yang berbilang bangsa. Pameran kali ini bertajuk “Muzium dan Kerjaya” memberikan penjelasan mengenai bidang-bidang tugas di Jabatan Muzium Malaysia. Konsep ini dipilih bertepatan dengan prinsipnya berasaskan kepada beberapa keperluan, iaitu memberikan pendidikan kepada masyarakat, pemeliharaan dan pengekalan warisan sejarah, kebudayaan, alam semula jadi dan pelancongan. Sambutan amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat di Hulu Selangor. Gerai pameran JMM sentiasa dipenuhi oleh ramai yang tertarik untuk mengetahui kerjaya dan tugas utama di muzium.



Pameran Darurat (Program Kolokium Sejarah Malaysia)

Pameran Darurat telah diadakan sempena program Kolokium Sejarah Malaysia yang dianjurkan oleh Jabatan Warisan Negara. Perasmian pameran telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan pada 25 Februari 2011 di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Antara bahan pameran termasuklah peralatan senjata yang pernah digunakan oleh pasukan polis untuk menentang pihak komunis serta risalah propaganda penentangan perluasan kuasa pasukan komunis. Selain mempamerkan beberapa artifak dan poster pameran, video mengenai keganasan dan huru-hara semasa pendudukan komunis di Tanah Melayu turut ditayangkan.



Pameran Muzium dan Kerjaya

Pesta Persukuan Adat Perpatih 2012 yang bertemakan “Adat Perpatih Warisan Sepanjang Zaman” telah berlangsung di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti pada 7 hingga 8 Julai 2012 memberikan gambaran jelas kepada umum melalui pameran dan demonstrasi adat. Pesta persukuan yang berlangsung sepanjang dua hari ini telah di sempurnakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir. Jabatan Muzium Malaysia telah diundang untuk mengadakan pameran sempena pesta tersebut. Pameran ini bertajuk Muzium dan Kerjaya yang memberikan penjelasan mengenai bidang-bidang tugas di Jabatan Muzium Malaysia. Konsep ini dipilih bertepatan dengan prinsipnya berasaskan kepada beberapa keperluan, iaitu memberikan pendidikan kepada masyarakat, pemeliharaan dan pengekalan warisan sejarah, kebudayaan, alam semulajadi dan pelancongan. Sambutan amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat di sekitar Seri Menanti.

Pameran Raja Kita

Pameran Raja Kita diadakan sempena Persidangan Perwakilan UMNO daerah Jelebu pada 14 Julai 2012. Pameran telah dirasmikan oleh Menteri Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato’ Seri Utama Dr Rais Yatim. Objektif pameran ini untuk memperkenalkan dan merapatkan lagi hubungan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Almu’tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu’adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah dengan rakyat jelata. Sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan terutamanya penduduk sekitar Jelebu kerana ia memberi peluang kepada rakyat Malaysia khususnya untuk mengenali dengan lebih dekat lagi ketua utama negara.



Pameran Raja Kita

Pameran Raja Kita diadakan sempena Persidangan Perwakilan UMNO daerah Kuala Pilah. Objektif pameran ini untuk memperkenalkan dan merapatkan lagi hubungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah dengan rakyat jelata. Pameran Raja Kita ini diadakan pada 15 September 2012 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Ia mempamerkan pelbagai maklumat berkaitan sistem pemerintahan Raja Berpelembagaan Malaysia, alat-alat kebesaran diraja serta biografi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Baginda Raja Permaisuri Agong.



Pameran Alat Muzik Tradisional

Pada tahun ini, Pahang telah terpilih menjadi tuan rumah untuk sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012. Tema perayaan HMA pada tahun ini ialah Muzium Dalam Dunia Yang Berubah. Sambutan HMA 2012 ini secara tidak langsung memberikan kesempatan untuk meneroka dan mengimbuai kembali semua kenangan hasil cetusan inspirasi kepelbagaian budaya, sejarah dan alam semulajadi. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah memilih 'Pameran Alat Muzik Tradisional' sebagai tajuk pameran. Pameran yang diadakan mulai 15 hingga 21 Oktober 2012 tersebut merangkumi panel informasi dan disokong oleh alat-alat muzik terpilih. Selain memaparkan jenis-jenis alat muzik, pameran itu turut memberikan maklumat mengenai alat muzik pelbagai kaum di Malaysia. Pameran ini mendapat sambutan menggalakkan daripada para pengunjung yang terdiri daripada orang perseorangan, keluarga dan juga rombongan sekolah.



**PENGURUSAN
KOLEKSI**

PENGURUSAN KOLEKSI

PROFIL

Pengurusan koleksi terletak di bawah portfolio Bahagian Pendaftaran. Pengurusan Koleksi merupakan salah satu fungsi JMM untuk mengumpulkan warisan harta kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan dokumen yang berkaitan serta mendokumentasi, memulihara dan menyimpannya sebagai sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, rujukan dan pameran. Berikut adalah fungsi Bahagian Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia:

1. Mendaftarkan semua koleksi artifak Jabatan mengikut penjenisan yang ditetapkan secara manual atau berkomputer
2. Menyediakan satu sistem maklumat semua artifak yang mudah dan lengkap
3. Menguruskan semua koleksi dari segi penyimpanan, pemuliharaan dan keselamatan
4. Menguruskan pinjaman koleksi bagi tujuan aktiviti pengembangan dan pendidikan





Encik Ab. Aziz bin Abd. Rashid, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya sedang membuat penilaian koleksi seramik sebelum dibawa ke Mesyuarat Teknikal Perolehan Harta Kebudayaan JMM.



Datuk Haji Ab. Ghaffar A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), KPKK diiringi Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM sedang mendengar penerangan daripada Encik Razaimi bin Hamat, Pendaftar mengenai koleksi kain yang dicadangkan untuk perolehan harta kebudayaan 2012.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2012, Jabatan Muzium Malaysia telah diperuntukkan sejumlah RM4.2 juta bagi tujuan perolehan koleksi artifak. Bahagian Pendaftaran selaku urus setia perolehan telah menyelaraskan serta melaksanakan mesyuarat khas bagi tujuan perolehan tersebut. Proses penilaian, pemilihan dan perakuan pembelian koleksi artifak muzium dilaksanakan dalam tiga fasa mesyuarat.

Bagi tahun 2012, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya melaksanakan perolehan sejumlah 818 artifak bernilai RM 4,199,623.00.



1



2



3



4



5



6



7

Antara koleksi yang dibeli pada tahun 2012.

1. Hulu Keris.
2. Tudung Saji Manik.
3. Seramik.
4. Piring Berayat.

Antara koleksi perhiasan diri yang dibeli pada tahun 2012.

5. Keronsang.
6. Gelang Kaki.
7. Pendokoh.


Sepanjang tahun 2012, sejumlah artifak telah berjaya diinventorikan. Program ini bertujuan memastikan setiap artifak jabatan mempunyai maklumat lengkap bagi tujuan pameran dan penyebaran ilmu kepada penyelidik mahupun pelajar. Jadual berikut menunjukkan kerja-kerja inventori yang telah dijalankan:

Bil.	Perkara	Kuantiti
1.	Inventori Koleksi Istana Negara	2843
2.	Inventori Kain Songket	312
3.	Inventori Koleksi Topeng 2012	35
4.	Inventori Pembelian Koleksi 2012	197
5.	Inventori Koleksi Hadiah 2011	89
6.	Inventori Koleksi Kain Pua	185
7.	Inventori Koleksi Hadiah 2012	99
8.	Penyelidikan Koleksi Hiasan Perahu	97
9.	Memasukkan Data Maklumat Koleksi E-ARMS	10856



1-2. Kerja-kerja mengukur koleksi di bangunan lama Istana Negara bagi tujuan inventori.

3. Sesi penerangan berkenaan fungsi setiap ruang di bangunan lama Istana Negara oleh wakil daripada Istana Negara sebelum kerja-kerja inventori dijalankan



Bagi memastikan kesinambungan serta kualiti artifak, Bahagian Pendaftaran melalui unit repositori telah berjaya melaksanakan program penyusunan serta penyimpanan artifak mengikut klasifikasi. Sejumlah 201 artifak tekstil songket dan 184 artifak Kain Pua telah berjaya disimpan secara sistematik mengikut klasifikasi.

1. *Gambar diletakkan pada tag bagi memudahkan proses pencarian koleksi.*
2. *Koleksi Kain Pua yang telah siap digulung disusun kemas pada rak terbuka.*
3. *Kaedah penyimpanan dalam rak tertutup. Koleksi kain songket yang siap digulung disusun kemas.*



**PERKHIDMATAN
KONSERVASI**



PERKHIDMATAN KONSERVASI

PROFIL

Pusat Konservasi Jabatan Muzium Malaysia berperanan melaksanakan kerja-kerja penganalisisan, penyelidikan, rawatan dan pemeliharaan koleksi muzium bagi tujuan pameran, simpanan, pendidikan dan dokumentasi. Pusat Konservasi juga bertanggungjawab memastikan bahan-bahan koleksi Jabatan Muzium Malaysia berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Objektif ini direalisasikan melalui kerja-kerja penyelidikan dan konservasi artifak.

Selain itu, fungsi Pusat Konservasi ialah menjalankan kerja-kerja pencegahan kerosakan dan membaik pulih artifak, memantau sistem kawalan suhu, kelembapan, pencahayaan dan makluk perosak yang terdapat di dalam stor koleksi dan galeri-galeri muzium, selain memberikan latihan dan khidmat nasihat mengenai konservasi kepada kakitangan dan agensi berkaitan.



Salah seorang kakitangan Pusat Konservasi sedang memberikan tunjuk ajar teknik pemuliharaan kepada kakitangan JMM.

JENIS KONSERVASI

Bahan organik

Bahan organik ialah bahan yang berasaskan karbon dan sumbernya daripada tumbuhan dan haiwan. Bahan organik mudah menyusut dan dirosakkan oleh serangan ejen perosak. Contoh bahan organik ialah rotan, buluh, kayu bulu dan kulit.

Bahan bukan Organik

Bahan bukan organik ialah bahan yang terdiri daripada campuran mineral dan tidak terbentuk hasil daripada pertumbuhan semula jadi organisma hidup. Contoh bahan bukan organik ialah logam dan batu.

KATEGORI KONSERVASI

Konservasi Preventif

Tindakan yang dilakukan bagi menghalang pelapukan semula jadi objek akibat keadaan persekitaran seperti suhu, kelembapan, cahaya dan juga perosak seperti serangga, fungus dan pencemaran udara.

Konservasi Kuratif

Konservasi kuratif ialah tindakan yang diambil untuk merawat objek yang mengalami proses deteriorasi. Tindakan yang diambil bertujuan menghentikan atau merencatkan proses deteriorasi terhadap objek tersebut.

Restorasi

Prosedur rawatan yang dilakukan dengan tujuan mengembalikan barangan kebudayaan kepada keadaan yang sedia kala dengan menggunakan bahan yang hampir sama dengan bahan asal.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Bil.	Unit/ Muzium	Januari			Februari			Mac			April			Mei			Jun		
		0	BO	PREV	0	BO	PREV	0	BO	PREV	0	BO	PREV	0	BO	PREV	0	BO	PREV
1.	Pendaftaran	2			13			16			8	52			66			10	5
2.	Istana Pelamin																		
3.	Muzium Negara							1			1								
4.	Perkhidmatan Muzium							1			1								
5.	Muzium Ethnologi Dunia Melayu																		
6.	Koleksi Za'aba																		
7.	Muzium Matang	18																	
8.	Muzium Perak										42	39							
9.	Muzium Sg. Lembang																		
10.	Muzium Kota Kayang																		
11.	Galeri Sultan Abdul Halim											78							
Jumlah O/BO/PREV		2	18	0	13	0	0	18	0	0	50	54	117	0	66	0	0	10	5
Jumlah Bulanan		20			13			18			221			66			15		
Jumlah Tahunan																			



Kerja-kerja rawatan dan pemuliharaan koleksi muzium sedang dilaksanakan.

Juli			Ogos			September			Oktober			November			Disember			Jumlah
0	BO	PREV	0	BO	PREV	0	BO	PREV	0	BO	PREV	0	BO	PREV	0	BO	PREV	
28	25		15			19	333		6			18	1	2				619
												11						11
												6			2			10
																		2
2			1															3
															16	12	15	43
	50																	68
												1	2					84
									20	11								31
59	108																	167
										109								187
89	182	50	16	0	0	19	333	0	26	120	0	36	3	2	18	12	15	
	272			16			352			146			41			45		1223


Petunjuk : 0 Organik BO Bukan Organik PREV Preventif



Kakitangan Pusat Konservasi sedang menjalankan proses konservasi preventif.



Antara kursus-kursus konservasi anjuran JMM pada tahun 2012.



**PENYELIDIKAN
DAN PENERBITAN**

PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

PROFIL

Penyelidikan, Penerbitan dan Dokumentasi adalah salah satu bidang teras dalam perkhidmatan Jabatan Muzium Malaysia yang memainkan peranan penting ke arah mencapai objektif JMM untuk memelihara, mengekal dan menyebarkan ilmu pengetahuan tentang warisan negara. Bahagian Penyelidikan berperanan mengukuhkan dan mengembangkan bidang penyelidikan, penerbitan dan dokumentasi bagi memartabatkan fungsi JMM sebagai institusi penyebaran ilmu pengetahuan dalam bidang pameran, koleksi, sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.



PENYELIDIKAN

Penyelidikan yang dijalankan di JMM merangkumi penyelidikan pameran, sejarah, budaya, alam semula jadi dan koleksi.

Terdapat tiga jenis penyelidikan dan perkhidmatan yang dijalankan di JMM, iaitu penyelidikan yang dilaksanakan oleh kakitangan JMM sendiri, penyelidikan yang dilaksanakan secara kerjasama dengan pihak luar dan penyelidikan yang dijalankan oleh pihak luar untuk JMM.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Bagi tahun 2012, sebanyak tujuh aktiviti penyelidikan telah dilaksanakan oleh JMM, iaitu:

Bil.	Perkara
1.	Keunikan Bonsai
2.	Pintu Gerbang
3.	Raja Kita
4.	Belut
5.	Perubatan Tradisional
6.	Sejarah Bahasa Melayu
7.	Topeng Sedunia

Selain itu, JMM bertanggungjawab dalam menyelaras dan memantau penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik luar yang terdiri daripada pelajar IPTA/IPTS/agensi. Seramai 222 pelajar pelbagai bidang pengkhususan telah menjalankan penyelidikan di muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM.

PENERBITAN


Penerbitan merupakan wahana penting bagi JMM dalam mengekal, mengumpul dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kepada masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat pembaca di seluruh dunia amnya seiring dengan matlamat, visi dan misi JMM.

Penerbitan JMM terdiri daripada penerbitan am dan penerbitan khas JMM, meliputi hasil kajian, penyelidikan, artikel dan karya kakitangan JMM mahupun pihak luar agar dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan memastikan setiap penerbitan Jabatan mengikut dasar dan garis panduan penerbitan yang telah ditetapkan.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2012, JMM telah menerbitkan 11 judul buku, iaitu:

Bil.	Tajuk Buku	Sinopsis
1.	Buku Cenderamata Pameran Raja Kita 2012	Buku Cenderamata sempena Majlis Perasmian Pameran Raja Kita pada 15 April 2012
2.	Brosur Pameran Raja Kita 2012	Brosur mengenai Pameran Raja Kita sempena Majlis Perasmian
3.	Buku Program Perasmian Muzium Tekstil Negara	Buku program sempena perasmian Muzium Tekstil Negara pada 17 April 2012
4.	Berita JMM Bil.3 2011	Wadah penyebaran maklumat/berita jabatan, aktiviti kakitangan JMM
5.	Laporan Tahunan 2010	Laporan pencapaian JMM di sepanjang tahun 2010 dalam bidang teras dan sampingan
6.	Direktori Muzium-Muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia	Direktori tentang 21 buah muzium Persekutuan di bawah Jabatan Muzium Malaysia untuk tujuan pemasaran dan panduan
7.	Brosur Muzium Chimney, Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan dan Muzium Sg. Lembing	Brosur pameran tetap di Muzium Chimney, Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan dan Muzium Sg. Lembing
8.	Brosur muzium-muzium JMM (Bahasa Melayu)	Brosur pameran tetap di 20 buah muzium di bawah JMM sebagai panduan galeri
9.	Seramik Empayar Johor Abad ke-11-ke-19	Buku ini memfokuskan kepada peninggalan warisan Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga yang terdapat di Kota Sayong Pinang, Kota Panchor, Kota Johor Lama dan Fort Canning Hill melalui arkeologi dan seni
10.	Laporan Tahunan 2011	Laporan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun 2011
11.	Buku Muzium Tekstil Negara	Buku yang menghimpunkan maklumat tentang galeri dan koleksi Muzium Tekstil Negara





**PEMASARAN
DAN KHIDMAT
SERANTA**

PEMASARAN DAN KHIDMAT SERANTA

PROFIL

Program pemasaran muzium dijalankan secara berjadual oleh Jabatan Muzium Malaysia bertujuan mempromosikan dan menggalakkan masyarakat mengunjungi muzium. Jabatan Muzium Malaysia melalui Bahagian Komunikasi Korporat telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi mempromosikan pameran dan aktiviti muzium melalui pelbagai wadah komunikasi antaranya televisyen, radio, majalah, akhbar, poster, mel, kad, brosur dan pamphlet, papan iklan, risalah, laman sesawang, pemasaran atas talian serta melalui blog dan *facebook*.

Tarian Naga Sempena Sambutan Tahun Baru Cina

Persembahan tarian naga ini diadakan sempena menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Tarian ini diadakan pada 6 Februari 2012 pukul 11.00 pagi di Dataran Muzium Negara. Majlis ini turut dihadiri YBhg. Dato' Ibrahim, pegawai kanan dan staf JMM. Acara ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para pengunjung muzium, khususnya pelawat luar negara yang dapat menyaksikan keunikan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini.



Persembahan tarian naga sempena sambutan Tahun Baru Cina bertempat di Dataran Muzium Negara.



Penyampaian sijil kepada graduan sukarelawan muzium yang disempurnakan oleh Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia.

Majlis Graduasi Sukarelawan Muzium 2012

Majlis ini telah diadakan pada 25 Februari 2012 pada pukul 9.30 pagi bertempat Dataran Muzium Negara yang melibatkan seramai 54 penerima sijil graduasi. Mereka ini telah mengikuti kelas pembelajaran mengenai adat, budaya, sejarah Malaysia dan artifak-artifak yang terdapat di dalam Muzium Negara selama tiga bulan. Penyampaian sijil kepada graduan baharu sukarelawan muzium telah disempurnakan oleh Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff. Majlis ini dimeriahkan lagi dengan pelancaran *Sling Bag* yang boleh digunakan oleh pelawat Muzium Negara khususnya kanak-kanak dan para pelajar sekolah untuk memahami sejarah dan kandungan semua galeri di Muzium Negara.



Majlis Perasmian Pameran 100 Tahun Nestle di Sisimu yang disempurnakan oleh Timblan Ketua Setiausaha KPKK, Dato' Haji Ab. Ghaffar A. Tambi, Ketua Pengarah JMM, Dato' Ibrahim bin Ismail dan Pengurus Besar Nestle.

Majlis Perasmian Pameran 100 Tahun Nestle di Sisimu

Majlis ini telah diadakan pada 18 Mac 2012 bertempat di Dataran Muzium Negara bersempena dengan Pameran 100 tahun Nestle di Sisimu di Muzium Negara yang disempurnakan oleh Pengurus Besar Nestle dan YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail. Pameran ini diadakan bagi berkongsi dengan orang ramai sejarah dan kejayaan Nestle di Malaysia.

Minggu Bahasa Perancis di Muzium Negara

Program ini diadakan selama empat hari bermula dari 19 hingga 22 Mac 2012 bertempat di Muzium Negara. Objektif program ini untuk memperkenalkan bahasa Perancis kepada para pelajar sekolah melalui aktiviti penerokaan Galeri Muzium Negara. Sebanyak 17 sekolah yang mengambil bahagian antaranya termasuklah SM Sains Machang Kelantan, SM Agama Persekutuan Kajang, SM Sains Selangor, SMK Puteri Cyberjaya, SMK Hulu Selangor dan secara keseluruhannya melibatkan penyertaan seramai 492 peserta. Di samping itu, turut diadakan *nite at museum* khusus bagi warga Perancis dan penutur bahasa Perancis pada 21 Mac 2013 yang membicarakan mengenai seni bina rumah Melayu bertempat di Galeri B, Muzium Negara pada pukul 8.00 malam hingga pukul 10.00 malam.



Seminar sempena Minggu Bahasa Perancis bertempat di Muzium Negara.



Pertandingan Mewarna Nestle

Pertandingan Mewarna Nestle ini diadakan bersempena Pameran 100 Tahun Nestle di sisimu di Muzium Negara. Program ini diadakan pada 8 April 2012 bertempat di Dataran Muzium Negara yang bertujuan menyerlahkan lagi bakat mewarna dalam kalangan kanak-kanak dan menanamkan semangat cintakan muzium. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM. Pertandingan ini terbuka kepada kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun. Hadiah berupa hamper barangan sumbangan Nestle dan Jabatan Muzium Malaysia.

1. Pertandingan Mewarna Nestle pada 8 April 2012 bertempat di Dataran Muzium Negara.
2. Para pemenang Pertandingan Mewarna Nestle anjuran Jabatan Muzium Malaysia.



Majlis Sidang Media sempena Pameran Semangat Budo: Seni Bela Diri Jepun yang disempurnakan oleh Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bertempat di Galeri 2, JMM.



Majlis Sidang Media Sempena Pameran Semangat Budo: Seni Bela Diri Jepun

Sidang Media ini diadakan bersempena dengan Pameran Semangat Budo: Seni Bela Diri Jepun bermula dari 1 Jun hingga 3 Julai 2012 di Muzium Negara. Majlis ini telah berlangsung pada 14 Jun 2012 bertempat di Galeri 2, JMM pukul 2.30 petang yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail. Menyedari minat orang ramai terhadap seni bela diri dari negara Jepun, Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama *Japan Foundation*, Kuala Lumpur telah mengambil inisiatif untuk mengadakan pameran khas yang memaparkan sejarah dan latar belakang seni bela diri Jepun (*bujutsu*) serta perkembangan dan perubahannya dalam kehidupan seharian masyarakat sejak kurun kelapan Masihi. Pelbagai alat senjata tradisional, perisai, pelindung tubuh dan pelbagai artifak menarik telah dipamerkan.

Program Sampingan Sempena Pameran Semangat Budo: Seni Bela Diri Jepun

Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Japan Foundation telah mengadakan Pameran Semangat Budo: Seni Bela Diri Jepun dari 1 Jun hingga 3 Julai 2012 di Muzium Negara. Objektifnya untuk memperkenalkan kepada masyarakat tentang kepelbagaian seni mempertahankan diri masyarakat Jepun. Pelbagai program sampingan yang bertujuan menarik orang ramai untuk melawat ke pameran ini telah diadakan antaranya termasuklah Aikido dan Kendo pada 9 Jun 2012, Silambam dan Wushu pada 11 Jun 2013, Taekwondo dan Karate pada 23 Jun 2012, dan kemuncaknya ialah persembahan Kendo, Aikido, Silat, Silambam, Wushu, Taekwondo dan Karate pada 30 Jun 2012.



Majlis Perasmian Pameran Raja Kita disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-14, bertempat di Balairung Seri, Istana Negara Lama pada 15 April 2012.

Majlis Perasmian Pameran Raja Kita di Istana Negara Lama, Kuala Lumpur

Perasmian Pameran Raja Kita telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-14, Almu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah bertempat di Balairung Seri, Istana Negara Lama Kuala Lumpur pada 15 April 2012. Turut berangkat ialah Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah, Perdana Menteri dan isteri, YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, YBhg. Dato' Paduka Rosmah Mansor, YBhg. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan isteri Datin Seri Utama Masnah Rais juga turut hadir. Pameran ini diadakan bersempena dengan pertabalan Seri Paduka Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14. Pameran ini memaparkan sejarah Sistem Beraja di Malaysia dan juga koleksi peribadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Program Pelancaran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012

Pelancaran Sambutan Hari Muzium Malaysia telah diadakan pada 17 hingga 20 Mei 2012 bertempat di Muzium Negara. Pelbagai program telah dilaksanakan untuk memeriahkan sambutan Hari Muzium, antaranya termasuklah Pameran oleh Muzium-Muzium, Program Kiraan Detik Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2012, Persembahan kebudayaan 1 Malaysia, Program Bermalam di Muzium Negara dan Pameran Kereta Antik dan Motor pada 19 - 20 Mei 2012.



Majlis Pelancaran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012 yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia, Tengku Abdullah Al-Haj Ibrni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah, Tengku Mahkota Pahang pada 17 Mei 2012 bertempat di Jabatan Muzium Malaysia.



Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2012 pada 17 Oktober 2012 bertempat di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.



Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2012

Pada tahun 2012, Hari Muzium Antarabangsa peringkat Kebangsaan bertemakan “Muzium Dalam Dunia yang Berubah: Cabaran Baharu, Inspirasi Baharu.” Sambutan ini berlangsung di Pekan, Pahang dari 17 Oktober hingga 22 Oktober 2012 yang melibatkan semua muzium di Malaysia. Tetamu kehormat yang turut sama memeriahkan majlis ialah Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’Adzam Shah, Duli Yang Maha Mulia Sultanah Hajah Kalsom binti Abdullah, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim bin Tengku Abdullah, Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan YAB Dato’ Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob, YBhg. Dato’ Ibrahim bin Ismail dan ramai lagi. Pelbagai acara menarik telah disediakan, iaitu Pameran, Majlis Tahlil dan Bacaan Yasin, Seminar Permuziuman “*Museum in A Changing World*”, Persembahan Kebudayaan, Pertandingan Sukan Rakyat, Sukan, Larian Muzium, Majlis Penjenamaan Muzium Sultan Abu Bakar dan Majlis Penutup Sambutan Perayaan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2012.



Program Bermalam di Muzium Negara bersempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012 pada 18 dan 19 Mei 2012 bertempat di Muzium Negara.

Program Bermalam di Muzium Negara

Program Bermalam di Muzium Negara diadakan bersempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012. Objektif program ini untuk menyebarkan maklumat mengenai Muzium dan fungsinya kepada para pelajar. Program ini telah diadakan pada 18 dan 19 Mei 2012 bertempat di Muzium Negara. Program ini mendapat sambutan sangat menggalakkan daripada pelajar-pelajar sekolah menengah. Sekolah yang mengambil bahagian ialah SMK Vivekananda, SMK Chong Hwa, SM Vokasional Setapak, SMK Puteri Titiwangsa, SMK Sri Sentosa, SMK Agama Kuala Lumpur, SMK Batu Muda dan SMK Seri Tasik. Seramai 133 peserta daripada pelbagai bangsa telah mengambil bahagian dalam program ini, iaitu 103 Melayu, 20 Cina dan 10 India. Pelbagai acara telah disediakan seperti aktiviti berkumpulan, Konservasi (*Tie and Dye*), Kenali Muzium (Muzium dan Kerjaya), Senam Seni 1Malaysia dan Teroka Muzium.





Majlis Penyerahan Jalur Gemilang sempena Program Jalur Gemilang pada 19 Julai 2012 bertempat di Dataran Muzium Negara.

Majlis Sidang Media Pameran Magis Perubatan Tradisional pada 20 September 2012 bertempat di Galeri 2, JMM.

Program Jalur Gemilang

Program Jalur Gemilang diadakan bersempena menyambut bulan Kemerdekaan negara pada setiap 31 Ogos. Acara ini telah diadakan pada 19 Julai 2012 bertempat di Dataran Muzium Negara yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail. Pelbagai acara menarik telah dilaksanakan antaranya termasuklah acara memasang bendera di kenderaan dan konvoi bermotor mengelilingi Muzium Negara. Oleh sebab majlis ini diadakan pada bulan Ramadhan, maka turut diadakan Majlis Berbuka Puasa dan solat Terawih bersama kakitangan JMM.

Majlis Sidang Media Pameran Magis Perubatan Tradisional

Majlis ini diadakan bersempena dengan Pameran Magis Perubatan Tradisional yang berlangsung selama tiga bulan iaitu dari 15 September hingga Disember 2012. Majlis ini diadakan pada 20 September 2012 bertempat di Galeri 2, JMM pada pukul 10.00 pagi. Pameran ini secara keseluruhannya menjelaskan tentang perkara yang menunjukkan kepelbagaian kaedah perubatan tradisional meliputi kaum-kaum utama di negara ini. Melalui pameran ini pengunjung didedahkan juga dengan cabaran sistem perubatan tradisional apabila pihak penjajah British memperkenalkan perkhidmatan perubatan moden yang didasarkan kepada pendidikan secara formal. Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail yang turut dihadiri oleh pegawai kanan dan kakitangan JMM serta pengamal perubatan di Malaysia. Majlis dimeriahkan lagi dengan gerai jualan dari pelbagai produk kesihatan seperti produk herba Orang Asli, produk kesihatan Ayurveda dan urutan Melayu.



Program Sembang Santai sempena Pameran Magis Perubatan Tradisional bertempat di Galeri Emas, JMM pada 11 Oktober 2012.

Program Sembang Santai: Pengubatan Sihir/Santau

Program ini telah diadakan bersempena dengan Pameran Magis Perubatan Tradisional yang berlangsung pada 15 September hingga Disember 2012 yang memaparkan pelbagai jenis perubatan tradisional dan alternatif di negara ini. Program ini diadakan pada 11 Oktober 2012 (Khamis) pada pukul 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Pengisian program ini termasuklah ceramah oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM mengenai sihir dan santau, di samping penampilan istimewa oleh Ashraff Muslim dari Pusat Rawatan Islam al-Hidayah. Majlis ini turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah JMM, Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff dan Pengasas Pusat Rawatan Islam al-Hidayah, iaitu Ustaz Lokman dan para pelajar serta pengamal media. Objektif program ini adalah untuk berkongsi pengetahuan dengan masyarakat umum mengenai sihir dan santau serta cara-cara menghindarinya.





Program Santai Tai Chi sempena Pameran Perubatan Tradisional pada 3 November 2012 bertempat di Dataran Muzium Negara.

Program Senaman Tai Chi Sempena Pameran Perubatan Tradisional

Program senaman Tai Chi ini diadakan pada 3 November 2012 (Sabtu) bertempat di Dataran Muzium Negara pada pukul 10.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengah hari. Program ini telah dipersembahkan oleh Persatuan Tai Chi Chuan Gaya Yang Malaysia. Antara teknik tai chi yang diajar ialah Yang Tai Chi 16 Gaya (Kumpulan), Yang Tai Chi Pedang, Tradisional Yang Tai Chi 103 Gaya (Bahagian 1), Bersenam dan juga ceramah kesihatan. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar sekolah dan kakitangan muzium. Objektifnya untuk memperkenalkan kepada masyarakat umum mengenai senaman tai chi dan juga untuk tujuan kesihatan.



Majlis Sidang Media Pameran Sejarah Perbandaran di Malaysia pada 13 Disember 2012 bertempat di Muzium Negara.

Majlis Sidang Media Pameran Sejarah Perbandaran di Malaysia

Majlis Sidang Media ini diadakan bersempena dengan Pameran Sejarah Perbandaran di Malaysia yang berlangsung dari 13 Disember hingga 13 Januari 2013 di Muzium Negara. Majlis ini diadakan pada 13 Disember 2012 pada pukul 9.30 pagi bertempat di Muzium Negara. Jabatan Muzium Malaysia mendapat kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Pertubuhan Perancang Malaysia (*Malaysian Institute of Planners*) dalam menganjurkan majlis ini. Pameran ini secara umumnya menjelaskan mengenai sistem perancangan bandar di Malaysia telah wujud sejak 210 tahun yang lalu, melalui perubahan dari masa ke masa mengikut keperluan dan perkembangan teknologi. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.




**PENDIDIKAN
MUZIUM**

PENDIDIKAN MUZIUM

PROFIL

Peranan institusi muzium bukan lagi sekadar tempat untuk membuat lawatan ke lapangan mengisi waktu lapang atau tempat bersantai semata-mata. Kini, institusi muzium dan pendidikan dilihat mempunyai kaitan erat antara saling dalam menjayakan skop subjek yang diajar. Jabatan Muzium Malaysia sentiasa melaksanakan pelbagai program pendidikan muzium bagi menyebarkan penerangan berkaitan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kepada setiap lapisan masyarakat. Program-program tersebut adalah seperti yang berikut:





Forum Kurator

Program Forum Kurator merupakan wadah untuk kurator, ahli-ahli profesional muzium, aktivis muzium dan ahli akademik membentangkan hasil penyelidikan, kepakaran dan pengalaman mereka untuk dikongsi bersama kakitangan muzium dan mereka yang terlibat dalam bidang permuziuman yang berkaitan dengan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara. Sebanyak dua siri Forum Kurator telah diadakan di Auditorium JMM, iaitu Forum Kurator JMM Siri 1/2012 bertajuk “Tradisi Pembuatan Buaya Tanah di Sarawak” yang dibentangkan oleh Encik Ipoi Datan, Pengarah Muzium Sarawak pada 26 April 2012, dan Forum Kurator JMM Siri 2/2012 yang diadakan pada 5 Julai 2012 dengan pembentangan kertas kerja bertajuk “Koleksi Ukiran Kayu dan Langkasuka dalam Peta Sejarah”.

Bicara Kurator

Jabatan Muzium juga telah menganjurkan Bicara Kurator sebanyak dua sesi, iaitu Bicara Kurator Siri 1/2012 bertajuk “Pintu Gerbang” oleh Encik Nasulmiazam bin Mohd Nasir pada 12 Jun 2012, dan Bicara Kurator Bil. 1/2012 bertajuk “Keunikan Bonsai” oleh Encik Mohd Khairil bin Jemangin pada 17 Julai 2012.

Majlis Pelancaran Ruang Penerokaan (*Discovery Room*), Muzium Negara

Ruang Penerokaan Muzium Negara telah dilancarkan secara rasminya oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia pada 13 Mac 2012 bertempat di Dewan Tengah, Muzium Negara. Majlis ini turut dihadiri YBhg. Datin Rodziah binti Akasah, isteri Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Seramai 120 orang turut hadir dalam majlis ini pelajar dari Sekolah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan. Ruang ini dilihat sebagai satu tempat untuk pembelajaran dan penting bagi meningkatkan serta menyokong proses pembelajaran. Program-program yang disediakan membolehkan para guru dan pelajar menerokai pengalaman yang unik untuk berinteraksi dengan koleksi yang seterusnya mendorong pelajar berfikir secara lebih kreatif dan menghiburkan.



Program Bengkel Pendidikan Sejarah

Muzium Negara telah menganjurkan satu bengkel pendidikan sejarah bertemakan “Muzium : Medium Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Subjek Sejarah di Sekolah” pada 18 Julai 2012 bertempat di Ruang Penerokaan. Bengkel sehari ini mengupas dan menterjemahkan medium dan kaedah praktis kepada bakal-bakal pendidik, guru dan profesional muzium dalam mempelbagaikan pendekatan bagi menjamin bukan sahaja keputusan yang baik dalam peperiksaan berkenaan, tetapi yang lebih utama dan signifikan ialah kesedaran jati diri akan kepentingan sejarah dalam mencorak peradaban dan tamadun bangsa dan negara. Kertas kerja telah dibentangkan oleh tiga orang penceramah yang berpengalaman iaitu Profesor Madya Dr. Ishak bin Saat, dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, dengan tajuk “Sumbangan Agensi Berkaitan Warisan sebagai Medium P&P Pendidikan Sejarah”, Encik Azmi bin Mohd Yusof, Pengarah JMM Wilayah Selatan, membicarakan “Muzium Sebagai Institusi Pembelajaran Tidak Formal Dalam P&P Subjek Sejarah” dan Puan Nor Hanisah binti Ahmad, Kurator Muzium Perak, Taiping, pula memberi “Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman”. Program ini telah menarik minat seramai 65 orang peserta yang terdiri daripada penuntut IPTA/ IPTS, agensi luar dan kakitangan Jabatan Muzium sendiri.



Pembentangan kertas kerja oleh Puan Nor Hanisah binti Ahmad, Kurator Muzium Perak.



Sesi soal jawab oleh peserta bengkel dari Institiut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu Melaka.




Program “Terokai Muzium Negara”

Muzium Negara telah mengadakan satu program khusus untuk sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Selangor dan Negeri Sembilan, iaitu “Terokai Muzium Negara”. Program ini telah berlangsung dari bulan Ogos hingga September 2012 bertempat di enam buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah Persendirian Confucian, Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuala Lumpur, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bandar Baru Salak Tinggi, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Rinching, Semenyih, Sekolah Menengah Kebangsaan Za’aba, Kuala Pilah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Kurshiah, Kuala Pilah. Pelbagai aktiviti spontan diaplikasikan dalam usaha menarik minat pelajar untuk mendekati, menghayati dan menghargai sejarah, budaya dan warisan silam negara. Tujuan program ini untuk membentuk generasi muda yang lebih peka dan sensitif terhadap sejarah, budaya dan warisan negara di samping memberi ruang yang lebih terbuka kepada golongan pendidik dan profesional muzium untuk menerapkan kepentingan subjek sekolah dalam program yang memanfaatkan para pelajar.

Program Bengkel Pendidikan Muzium

Bengkel Pendidikan Muzium merupakan satu wacana ilmu dan interaksi dua hala yang membolehkan golongan pendidik dan ahli profesional muzium berinteraksi secara lebih dekat dan profesional. Muzium Negara telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu bengkel ini yang menyasarkan golongan pendidik di peringkat sekolah rendah dan menengah khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor. Bengkel ini telah dikendalikan oleh seorang fasilitator yang berpengalaman, iaitu Haji Wan Zakaria bin Wan Ismail, mantan Pengarah Muzium dan Galeri USM, Pulau Pinang. Bengkel ini telah diadakan pada 5 - 6 November 2012 bertempat di Bilik Persidangan JMM. Seramai 68 orang peserta telah menghadiri bengkel ini.



Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKK

Sambutan Hari Inovasi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan 2012 yang bertemakan “Menggarap Kreativiti Membudayakan Inovasi” telah berlangsung pada 30, 31 Oktober dan 1 November 2012. Majlis telah dihadiri hampir 2000 orang termasuk warga KPKK dan orang ramai. Majlis Perasmian Sambutan Hari Inovasi telah disempurnakan oleh YB Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim Menteri KPKK pada 1 November 2012. Pelbagai acara menarik yang bertemakan kreativiti dan inovasi telah dianjurkan sepanjang minggu sambutan Hari Inovasi yang bermula pada pukul 8 pagi hingga pukul 5 petang. JMM telah melihatkan aplikasi *QR Code* menerusi pameran *Da’ Muse Code* bersempena dengan pameran Hari Inovasi 2012 peringkat KPKK dan JMM telah meraih tempat ketiga bagi Anugerah Pameran Terbaik. Selain itu, acara kemuncak sempena Sambutan Hari Inovasi peringkat KPKK 2012 ialah pertandingan atau konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang berlangsung selama dua hari di Auditorium JMM. Acara ini menyaksikan 17 buah agensi di bawah KPKK berdaya saing bagi meraih kemenangan dalam mempertandingkan idea inovasi yang kreatif dalam persembahan yang mantap dan meyakinkan. Kejayaan sambutan Hari Inovasi 2012 adalah hasil perkongsian pintar JMM, KPKK, MPC, MAMPU dan MACRI.

Program *Treasure Hunt* di Muzium Automobil Nasional

Program anjuran Biro Sukan dan Kebajikan Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Sungai Buloh diadakan pada 15 Jun 2012. Program bermula di Hospital Sungai Buloh ke Port Dickson, Negeri Sembilan. Acara ini bertemakan alam sekitar dan sejarah negeri Selangor. Muzium Automobil Nasional merupakan salah satu *check point* dalam program ini.



Program Perkongsian Ilmu Lisa Surihani bersama Pelajar Sekolah di Muzium Automobil Nasional

Pada 3 September 2012, Muzium Automobil Nasional telah menganjurkan Program Perkongsian Ilmu Lisa Surihani bersama pelajar SMK Pandamaran Jaya bertempat di Bilik Tayangan Video. Program tersebut diadakan bagi memberikan motivasi kepada pelajar sekolah.



Program "Cruise Ria Tasik Putrajaya"

Bersempena musim cuti sekolah penggal akhir tahun 2012, Cruise Tasik Putrajaya telah mengadakan satu program "Cruise Ria Tasik Putrajaya". Bermula pada 10 - 11 November 2012. Program ini turut melibatkan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang ada di sekitar Putrajaya antaranya termasuklah Kementerian Belia dan Sukan, Muzium Alam Semula Jadi, Jabatan Pertahanan Awam serta Klinik Kesihatan Presint 9, Putrajaya. Program ini diadakan di Cruise Tasik Putrajaya dan dihadiri lebih 10000 pengunjung terdiri daripada pengunjung tempatan dan luar negara. Antara aktiviti yang telah diadakan pameran, menghasilkan penanda buku menggunakan dedaun kering dan mencantumkan gambar (*puzzle*). Bagi petugas muzium di program ini, ia merupakan satu pengalaman yang menarik kerana diberikan kesempatan untuk menaiki bot dan sampan yang ada mengelilingi tasik di sekitar Putrajaya.



**LAPORAN
JMM WILAYAH**



LAPORAN JMM WILAYAH

PROFIL

Jabatan Muzium Malaysia mempunyai 21 buah muzium di bawah pentadbirannya. Muzium-muzium tersebut dibahagikan kepada zon seperti yang berikut:

1. JMM Wilayah Tengah
2. JMM Wilayah Selatan
3. JMM Wilayah Utara
4. JMM Wilayah Timur dan
5. JMM Wilayah Labuan

JMM Wilayah tengah terdiri daripada Muzium Perak dan Muzium Matang, manakala JMM Wilayah Selatan terdiri daripada Muzium Seni Bina Malaysia, Muzium Lukut, dan Muzium Kota Johor Lama. Muzium Kota Kuala Kedah, Muzium Kota Kayang dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang merupakan muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM Wilayah Utara. JMM Wilayah Timur mempunyai sebuah muzium sahaja, iaitu Muzium Sungai Lembing. Manakala JMM Wilayah Labuan pula terdiri daripada Muzium Labuan, Muzium Chimney dan Muzium Marin Labuan.

JMM Wilayah bertanggungjawab menjalankan tugas yang sama seperti yang dijalankan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Bezanya ialah program/aktiviti yang dilaksanakan oleh JMM Wilayah adalah dalam skala yang lebih kecil selari dengan peruntukan yang ada dan tenaga kerja yang kecil berbanding dengan Ibu Pejabat.

Secara dasarnya, tugas utama muzium-muzium di JMM Wilayah ini adalah berkaitan dengan objektif JMM, iaitu menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program pendidikan dan pengembangan, di samping menjalankan aktiviti penyelidikan dan perolehan koleksi. Aktiviti ini termasuklah mengadakan forum, bengkel, seminar dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

Muzium-muzium di JMM Wilayah turut menerima undangan daripada agensi-agensi kerajaan lain dalam mendapatkan khidmat nasihat berkenaan pameran, malahan menjadi tempat rujukan untuk aktiviti penyelidikan terutamanya daripada pelajar-pelajar sekolah dan IPTA.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2012, JMM Wilayah telah berjaya melaksanakan beberapa program pendidikan, pengembangan dan pameran sepanjang tahun 2012 selaras dengan visi, misi dan objektif JMM serta melepasi KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Program Pameran

Pameran yang diadakan di JMM Wilayah merangkumi pameran sementara yang diadakan di muzium-muzium terpilih dan pameran bergerak. Pameran tersebut adalah berskala kecil dan berdasarkan kepada permintaan agensi-agensi kerajaan lain mahupun swasta. Sebanyak empat pameran sementara telah diadakan, manakala sebanyak 15 pameran bergerak telah dilaksanakan dengan jayanya.

i. Pameran Sementara

Bil.	Pameran	Tarikh	Tempat
1.	Pameran Herbarium (Muzium Perak)	1 Januari - 31 Mei 2012	Muzium Perak
2.	Pameran Bunga Raya (Muzium Matang)	26 Mac - 31 Ogos 2012	Muzium Matang
3.	Pameran Misteri Sang Buaya (Muzium Lukut)	4 April - 30 Jun 2012	Muzium Lukut
4.	Pameran Belut (Muzium Marin Labuan)	25 Jun - 25 Ogos 2012	Muzium Marin Labuan

ii. Pameran Bergerak

Bil.	Pameran	Tarikh	Tempat
1.	Pameran sempena Program Jalinan Mesra Rakyat 1Malaysia (Muzium Lukut)	6 - 8 Januari 2012	Padang Awam, Sikamat, Melaka
2.	Pameran Kerjaya dan Permuziuman (Muzium Matang)	20 Januari 2012	Muzium Matang
3.	Pameran sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan (Muzium Lukut)	29 - 31 Januari 2012	Dewan Auditorium Kompleks Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson
4.	Pameran sempena Program Kominiti 1 Malaysia (Muzium Seni Bina Malaysia)	12 - 13 Februari 2012	Taman Merak Mas, Bukit Katil, Melaka
5.	Pameran Sempena Fiesta Seni Budaya (Muzium Perak)	17 - 19 Februari 2012	Dataran Dewan Bandaraya Ipoh, Perak

Bil.	Pameran	Tarikh	Tempat
6.	Pameran sempena Program Sentuhan Rakyat (Muzium Seni Bina Malaysia)	6 April 2012	Jasin, Melaka
7.	Pameran Profesional Muzium (Muzium Kota Kayang)	28 April 2012	Kolej Jururawat Behor Pulau, Perlis
8.	Pameran sempena Festival Gasing Negeri Perak	25 - 27 Mei 2012	Kuala Kangsar, Perak
9.	Pameran sempena Program Kominiti 1 Malaysia (Muzium Seni Bina Malaysia)	15 - 16 Jun 2012	Taman Bachang Baru, Bachang, Melaka
10.	Pameran dan Promosi Muzium Lukut (Muzium Lukut)	12 - 15 Julai 2012	Danga Mall, Johor Bahru
11.	Pameran Bersama Petrosains Playsmart Kuantan 2012 (Muzium Sg. Lembang)	22 - 23 September 2012	Petrosains Playsmart Kuantan, Kompleks Yayasan Pahang
12.	Pameran sempena Hari Muzium Antarabangsa PKT Negeri Johor (Muzium Seni Bina Malaysia dan Muzium Kota Johor Lama)	2 - 4 November 2012	Perkarangan Muzium Nelayan, Tanjung Balau
13.	Pameran Serangga sempena PMS Parlimen Teluk Intan (Muzium Perak)	3 November 2012	Teluk Intan, Perak
14.	Pameran sempena Karnival Bakat MyGempak	8 - 10 November 2012	JKKN Melaka
15.	Pameran Kerjaya dan Permuziuman (Muzium Matang)	20 - 22 Disember 2012	Raintown Plaza Hotel Taiping



Kakitangan Muzium Kota Kayang sedang mengendalikan Pameran Profesional Muzium yang diadakan di perkarangan Kolej Jururawat, Behor Pulau, Perlis bersempena dengan Program Merakyatkan Seni dan Budaya K1M bersama Masyarakat Siam Perlis sempena Pesta Songkran 2012 pada 28 April 2012.



1. Muzium Sungai Lembing telah menyertai dengan jayanya Program Pameran Bersama Petrosains Playsmart Kuantan 2012 yang berlangsung pada 22 dan 23 September 2012 di Petrosains Playsmart Kuantan, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur.
3. Pengunjung sedang menyertai aktiviti yang disediakan oleh pihak Muzium Seni Bina Malaysia dalam Program Komuniti 1Malaysia di Taman Bachang Baru, Melaka pada 15 dan 16 Jun 2012.
5. YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM diiringi Pengarah JMM Wilayah Labuan sedang melihat Pameran Belut yang telah diadakan di Muzium Marin Labuan pada 25 Jun hingga 25 Ogos 2012.

2. Pengunjung sedang menyaksikan pameran Kerjaya dan Permuziuman yang diadakan di dataran Muzium Matang sempena Karnival Bicara Rakyat pada 20 Januari 2012.
4. Pameran Misteri Sang Buaya yang diadakan di Galeri B, Muzium Lukut pada 4 April hingga 30 Jun telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk setempat dan luar.
6. Pameran Herbarium yang diadakan di Galeri A, Muzium Perak mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar.

Pendidikan Muzium

JMM Wilayah sentiasa melaksanakan pelbagai program pengembangan pendidikan bagi menyebarkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kepada masyarakat. Program pengembangan pendidikan ini meliputi lawatan berpandu ke galeri pameran, seminar, bengkel, forum, pertandingan melukis, kuiz dan lain-lain. Sebanyak 37 program pengembangan pendidikan telah berjaya dilaksanakan di muzium-muzium JMM Wilayah.

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Survey dan Tinjauan Sejarah di Pulau Kuraman dan Pulau Papan	22 Mac 2012	Pulau Kuraman dan Pulau Papan, Labuan
2.	Seminar Memartabatkan Semula Pahlawan Perak	29 Mac 2012	Muzium Matang
3.	Lawatan rasmi ' <i>Africa-Asia University Dialogue For Educational Development Network (A-A Dialogue)</i> '	29 Mac 2012	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
4.	Lawatan dan Kajian Akademik ' <i>Urban Conservation and Management</i> ' UiTM Shah Alam	3 April 2012	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
5.	Program Mengenal Arkeologi Sungai Johor	7 April 2012	Muzium Kota Johor Lama
6.	Lawatan Berpandu - KAFA (1) al-Misbah, Puchong, Selangor	7 April 2012	Muzium Perak
7.	Lawatan Berpandu - SMK Kg. Pasir Puteh, Pengkalan Barat, Ipoh, Perak	8 April 2012	Muzium Perak
8.	Lawatan Berpandu - SMK Perempuan Sri Mutiara, Pulau Pinang	17 April 2012	Muzium Perak
9.	Jejak Warisan Gunung Jerai 2012	17 - 19 April 2012	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
10.	Ekplorasi Alam Gunung Jerai 2012	19 - 21 April 2012	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
11.	Lawatan dan Kajian Lapangan Tapak-tapak Arkeologi - Universiti Pendidikan Sultan Idris	27 - 29 April 2012	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
12.	Lawatan Berpandu - TBK Kemas Kg. Padang, Pulau Pinang	28 April 2012	Muzium Perak
13.	Lawatan Unit RIMUP Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sin Min Sungai Petani Kedah	30 April 2012	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
14.	Bengkel Pengurusan Rekod dan Fail	8 Mei 2012	Muzium Perak
15.	Lawatan Berpandu - SM Tahfiz Darul Ridzuan Kerian, Semanggol, Perak	19 Mei 2012	Muzium Perak
16.	Lawatan Berpandu - Pejabat Penerangan Sungai Siput (U), membawa Orang Asli Pos Poi	20 Mei 2012	Muzium Perak
17.	Lawatan Berpandu Kolej Komuniti Kota Tinggi	24 - 25 Mei 2012	Muzium Kota Johor Lama
18.	Penganjuran Kuiz Sejarah Lukut Peringkat Sekolah Rendah dan Menengah Negeri Sembilan. (Muzium Lukut)	26 Mei 2012	Muzium Lukut
19.	Lawatan Berpandu - SMK Jalan Pasir Puteh, Ipoh, Perak	28 Mei 2012	Muzium Perak
20.	Sejarawan Pilihan 1	30 Jun 2012	Muzium Kota Kayang



1. Para peserta Seminar Memartabatkan Pahlawan Perak yang diadakan di Muzium Perak pada 29 Mac 2012.
2. Para peserta Program Sayangi Alam Marin sedang mengutip sampah-sarap yang telah diadakan pada 13 dan 20 Oktober 2012 di Muzium Marin Labuan. Program ini melibatkan pelajar dari 5 buah sekolah rendah di WP Labuan.
3. Para peserta Program Jejak Sejarah Muzium Chimney sedang mendengar taklimat sejarah daripada pegawai muzium berkenaan aktiviti perlombongan arang batu dan tinggalan monumen bersejarah yang terdapat di sekitar kawasan Tanjung Kubong, Labuan.

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
21.	Lawatan MTIB bagi mengekalkan sampel kayu untuk pengisian pameran	25 Jun - 20 Julai 2012	Muzium Seni Bina Malaysia
22.	Program Gaya Hidup Sihat	30 Jun 2012	Muzium Matang
23.	Jejak Sejarah bersama JKPKPKK	1 Julai 2012	Muzium Chimney
24.	Jom Santai Bersama Media	7 - 8 Julai 2012	Muzium Marin Labuan
25.	Jejak Sejarah	September - Oktober 2012	Muzium Chimney
26.	Kayuhan Merdeka 2012	19 September 2012	Muzium Kota Kayang
27.	Jejak Warisan Kota Kayang	26 September 2012	Muzium Kota Kayang
28.	Lawatan berpandu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	1 Oktober 2012	Muzium Seni Bina Malaysia
29.	Eksplorasi Sejarah JMMWL	10 Oktober 2012	Tanjung Kubong, Labuan
30.	Program Sayangi Alam Marin Siri I dan II	13 - 20 Oktober 2012	Muzium Marin Labuan
31.	Program Muzium bersama Komuniti dan Ibadah Korban	29 Oktober 2012	Muzium Lukut
32.	Kursus Penubuhan Galeri Sejarah Sekolah Peringkat Sekolah Negeri Sembilan	5 -7 November 2012	SMK Dato' Abdul Samad dan Sekolah King George V, Seremban
33.	Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak	10 November 2012	Muzium Chimney
34.	Lawatan Berpandu Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	20 November 2012	Muzium Perak
35.	Program Kecemerlangan Rohani	30 November 2012	Muzium Marin Labuan
36.	Program Jom Sihat 10,000 Langkah	1 Disember 2012	Muzium Chimney
37.	Lawatan Berpandu Lembaga Muzium Pulau Pinang	26 Disember 2012	Muzium Perak

4. Peserta Jejak Warisan Kota Kayang yang diadakan pada 26 September 2012 sedang berbincang mengenai soalan kuiz yang perlu dijawab oleh mereka.
5. Peserta Bengkel Pengurusan Rekod dan Fail yang diadakan di Muzium Perak pada 7 - 8 Mei 2012 sedang diberikan taklimat dan membuat latihan pengasingan fail-fail yang ingin dilupuskan serta mengisi borang yang diperlukan untuk tujuan pelupusan tersebut.
6. Peserta Program Mengenali Arkeologi Sungai Johor yang diadakan pada 7 April 2012 di Muzium Kota Johor Lama.
7. YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM bersama-sama dengan kakitangan muzium sedang menyediakan makanan kepada tetamu sempena Program Muzium bersama Komuniti dan Ibadah Qurban pada 29 Okt 2012 di Muzium Lukut.
8. Pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sedang mendengar taklimat daripada Pengarah JMM Wilayah Selatan pada 1 Oktober 2012 di Muzium Seni Bina Malaysia.



4



5



6



7



8



LAPORAN KEWANGAN

LAPORAN KEWANGAN

PERUNTUKAN MENGRUS JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Secara keseluruhannya, JMM telah diperuntukkan sejumlah RM34,676,039.00 dan tambahan sebanyak RM2,166,541.65 diperoleh pada hujung tahun bagi membiayai peningkatan perbelanjaan emolumen. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan belanja mengurus sebanyak RM36,842,549.65.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Butiran Jenis Perbelanjaan bagi Tahun 2012

Prestasi Perbelanjaan Mengurus mengikut butiran jenis perbelanjaan 2012 adalah seperti Jadual 1:


Jadual 1 : Perbelanjaan Mengurus

Maksud Perbelanjaan	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus (%) Perbelanjaan
Emolumen	15,614,000.00	15,596,315.32	99.89
Bekalan dan Perkhidmatan	21,115,755.80	20,699,342.53	98.03
Aset	112,793.85	112,750.85	99.96
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	-	-	-
Jumlah Keseluruhan	36,842,549.65	36,413,908.70	98.82

Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2011 dan 2012

Secara perbandingan mengikut tahun lalu, peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2012 meningkat sebanyak RM1,410,013.65 berbanding tahun 2011 disebabkan JMM telah menerima peruntukan tambahan yang agak besar bagi menampung perbelanjaan emolumen kerana kenaikan gaji kakitangan awam dan pemberian imbuhan tahunan. Dari segi prestasi perbelanjaan, pada tahun 2012 prestasi perbelanjaan telah mencapai tahap yang memuaskan, iaitu sebanyak 98.82% (Rujuk Carta 1 di sebelah)

Perbandingan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2011 dan 2012



Carta 1



STATISTIK PENGUNJUNG

STATISTIK PENGUNJUNG

Sepanjang tahun 2012, seramai 3,235,414 orang telah mengunjungi 20 buah muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (Sila lihat Jadual 2). Jumlah berkenaan menunjukkan peningkatan sebanyak 91,958 orang berbanding 3,143,456 orang pada tahun 2011. Dalam usaha menambahkan jumlah pelawat ke muzium, JMM berusaha gigih meningkatkan kualiti pameran, mempelbagaikan tema pameran dan aktiviti untuk dijadikan daya tarikan.

Bil.	Muzium	Pelawat Tempatan	Pelajar Sekolah	Pelawat Luar Negara	Jumlah
1.	Muzium Negara (Termasuk Pameran Khas)	322,207	88,214	131,134	551,412
2.	Muzium Perak	217,542	47,887	1,735	290,164
3.	Muzium Tekstil Negara	12,136	4,393	20,677	56,699
4.	Muzium Arkeologi Lembah Bujang	150,471	13,106	1,361	164,938
5.	Muzium Arkeologi Lenggong - Sehingga April (pengurusan dikendalikan oleh Jabatan Warisan Negara)	9,570	2,568	102	12,240
6.	Muzium Kota Kayang	38,381	14,465	1,008	53,854
7.	*Muzium Labuan	43,697	8,542	2,479	54,718
8.	Muzium Marin Labuan	127,394	10,167	5,201	142,762
9.	Muzium Adat	45,008	12,080	441	104,804
10.	Galeria Perdana	81,075	17,973	43,653	142,701
11.	Muzium Sungai Lembing	63,054	5,530	4,184	72,768
12.	*Muzium Seni Bina Malaysia	Muzium Dalam Proses Naiktaraf			
13.	Muzium Automobil Nasional	40,628	3,055	17,911	61,594
14.	*Muzium Etnologi Dunia Melayu	33,485	8,240	215,220	256,945
15.	Muzium Lukut	31,814	7,642	809	40,265
16.	Muzium Seni Kraf Orang Asli	141,175	21,316	237,204	399,695
17.	Muzium Matang	26,416	6,397	326	33,139
18.	Muzium Chimney	39,664	4,825	3,524	48,013
19.	Muzium Kota Kuala Kedah	145,148	21,532	325	167,005
20.	Muzium Kota Johor Lama	7,038	4,112	565	11,715
21.	Muzium Alam Semula Jadi	15,383	9,836	185	25,404
22.	Pameran Raja Kita	241,353	33,031	52,563	326,947
23.	Pameran yang diadakan di luar			217,632	217,632
Jumlah Keseluruhan Pelawat Hingga 26 Disember 2012					3,235,414

*Muzium dalam proses naiktaraf

Jadual 2: Statistik Pelawat ke Muzium-Muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia Dari 1 Januari Sehingga 31 Disember 2012



**MUZIUM-MUZIUM
DI BAWAH JMM**

MUZIUM-MUZIUM DI BAWAH JMM



Muzium Negara

Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.
Tel. : 03-22671000 • Faks : 03-2282 6434
www.muziumnegara.gov.my

Upacara perasmian Muzium Negara telah disempurnakan oleh Ke Bawah DYMM Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, Yang di Pertuan Agong Ketiga. Seni bina muzium ini berasaskan seni bina Istana Raja-raja Melayu dan mempunyai empat buah galeri utama.



Muzium Etnologi Dunia Melayu

Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.
Tel. : 03-2282 7399 • Faks : 03-2282 7294
www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-etnologi-dunia-melayu

Pengumpulan koleksi meliputi pelbagai jenis seperti tekstil, senjata, ukiran, alat logam dan teknologi, perhiasan diri dan alat muzik. Koleksi-koleksi yang terbaik dan unggul serta sukar diperoleh ini dikumpulkan dari beberapa buah negara seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam, Afrika Selatan, Madagascar dan negara lain seluruh dunia termasuk rumpun Melayu Polonesia yang unik dan menarik.



Muzium Seni kraf Orang Asli

Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.
Tel. : 603-2282 6255 samb.171 • Faks: 603-2282 7294 / 2287 1275
www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kraf-orang-asli

Pelaksanaan Galeri Seni kraf Orang Asli di bawah rancangan Malaysia ke-8 bertujuan menggerakkan aktiviti yang berkaitan dengan segala aspek kehidupan masyarakat Orang Asli serta membantu mengekal dan memelihara warisan Budaya Masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia terutamanya. Perannya bertumpu kepada aspek-aspek kesenian yang terdapat pada bahan-bahan hasil ciptaan masyarakat Orang Asli.

Muzium Automobil Nasional

Litar Antarabangsa Sepang, Jalan Pekeliling, 64000 KLIA Sepang
Tel. : 03-8787 4759 • Faks : 03-8787 3732
www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-automobil-nasional

Muzium Automobil Nasional yang terletak di Welcome Centre Litar Antarabangsa Sepang dengan mempunyai keluasan ruang pameran 7 949 kaki persegi bagi tingkat bawah dan 10 577 kaki persegi untuk tingkat satu. Ruang pameran tingkat bawah memaparkan segmen pengenalan Muzium Automobil Nasional serta sejarah perkembangan sistem pengangkutan Malaysia dan kemasukan kereta-kereta terawal.



Muzium Labuan

Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan, U 0364, Jalan Dewan,
87008 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel. : 087-414 135 • Faks: 087-414 462
www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-labuan

Dibuka secara rasminya kepada orang ramai pada 8 Oktober 2004 dengan upacara perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim. Kerja-kerja konservasi bangunan yang pada asalnya merupakan sebuah bangunan dari era kolonial ini telah bermula pada tahun 1997 diikuti dengan kerja-kerja pembinaan hiasan dalaman dan pengisian pada tahun 2002.



Muzium Marin Labuan

Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan, Kompleks Sukan Air Antarabangsa
Labuan, Jalan Tanjung Purun, 87008 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel. : 087-425 927 • Faks : 087-414 135
www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-marin-labuan

Muzium Marin Labuan sempurna dirasmikan oleh YB Dato' Paduka Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir pada 26 Januari 2003. Muzium yang telah dirancang penubuhannya pada awal tahun 1990-an hanya dapat direalisasikan pada tahun 2000 apabila Perbadanan Labuan menawarkan tapak dan bangunan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Kerja-kerja pengisian bermula pada bulan Ogos 2001 dan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2002.





Muzium Chimney

Lot 2, Tingkat Bawah, Bangunan Tabung Haji, Jalan Kesuma, 87008 Wilayah Persekutuan Labuan.

Tel. : 087-463 603 • Faks : 087-414 462

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-chimney

Muzium Chimney yang terletak di utara Wilayah Persekutuan Labuan merupakan muzium berkonsepkan *in-situ* (muzium tapak) kerana didirikan di atas bekas tapak perlombongan arang batu di Tanjung Kubong. Muzium ini ditubuhkan untuk memelihara dan menyebarkan pengetahuan mengenai sejarah perlombongan arang batu di Labuan terutamanya kawasan Tanjung Kubong dan beberapa kawasan di sekitar Labuan. Di samping bangunan Muzium Chimney, terdapat sebuah monumen di tapak muzium dikenali sebagai Menara Chimney yang melengkapkan daya tarikan di kawasan berkenaan.



Muzium Arkeologi Lembah Bujang

242 A, Bangunan Dispensari Lama, 08400 Pekan Merbok, Kedah Darul Aman.

Tel. : 04-457 2005 • Faks : 04-457 4635

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-arkeologi-lembah-bujang

Muzium Arkeologi Lembah Bujang merupakan satu-satunya Muzium di Malaysia yang mempamerkan koleksi arkeologi yang membuktikan kewujudan pusat perdagangan antarabangsa dan perkembangan agama Hindu-Buddha di Asia Tenggara kurun Ketiga Masihi hingga ke-12 Masihi. Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah dibuka dengan rasminya pada 23 Januari 1980 oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasimu Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darul Aman.



Muzium Kota Kuala Kedah

Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Utara) Kampung Seberang Kota, 06600 Kuala Kedah, Kedah Darul Aman.

Tel. : 04-741 2152 • Faks : 04-741 9297

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-kuala-kedah

Kota Kuala Kedah atau Kota Kuala Bahang terletak di tebing utara muara Sungai Kedah. Reka bentuk kota ini telah dilukis oleh Hafiz Sab yang ketika itu menjawat jawatan Dato' Maharaja Kadhi. Pada 31 Ogos 1978, kota ini telah diwartakan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti (sekarang Jabatan Muzium Malaysia) sebagai "Tapak Tanah Bersejarah" mengikut peruntukan "Akta Benda Purba 1976" di bawah Akta 165.

Muzium Kota Kayang

Al-Marhum Kayang, Kuala Perlis, 02000 Perlis Indera Kayangan.

Tel. : 04-977 0027 • Faks : 04-978 2678

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-kayang

Terletak bersekitaran Bukit Kayang, Bukit Lambong Panah, Bukit Jagat Hutang, Bukit Wai dan Bukit Menara dalam mukim Kayang, iaitu berhampiran terusan buatan manusia yang tertua di Semenanjung. Terdapat tiga galeri, iaitu galeri am yang mempamerkan kronologi pembinaan Kota Kayang, peralatan harian golongan bangsawan di Perlis, galeri arkeologi yang mempamerkan hasil penyelidikan Kota Kayang dan sekitar negeri Perlis serta galeri Kedah/Perlis yang mempamerkan salasilah diraja negeri Perlis bermula daripada Nabi Muhammad SAW dan replika bunga emas, kesan pendudukan penjajah dan pelbagai koleksi yang menarik.



Galeria Perdana

Jalan Ayer Hangat, Mukim Kilim, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Tel. : 04-959 1498 • Faks : 04-959 1819

www.jmm.gov.my/ms/museum/galeria-perdana

Penubuhan Galeria Perdana merupakan idea Tun Dr Mahathir bin Mohamad ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia. Keunikan galeri ini ialah dibangunkan bagi berkongsi dengan masyarakat pelbagai penghargaan, cenderamata dan hadiah yang diterima Tun Mahathir dan isteri daripada pemimpin-pemimpin dunia, ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar negara ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia.



Muzium Perak

Jalan Taming Sari, Taiping, 34000 Perak Darul Ridzuan.

Tel. : 05-807 2057 • Faks : 05-806 3643

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-perak

Muzium ini merupakan muzium yang tertua di Malaysia. Ia terletak di bandar Taiping, Perak dan lebih kurang 1.5 km dari pusat bandar Taiping. Kebanyakan koleksi terawal muzium ini ialah bahan-bahan etnologi dan antropologi. Kemudian, koleksi geologi, botani dan entamobologi menjadi spesimen tambahannya.





Muzium Arkeologi Lenggong

Jabatan Muzium dan Antikuiti, Kota Tampan Lenggong,
33400 Perak Darul Ridzuan.

Tel. : 05-767 9700 • Faks : 05-767 9703

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-arkeologi-lenggong

Muzium Arkeologi Lenggong merupakan satu-satunya muzium prasejarah di Malaysia yang mempamerkan maklumat berkaitan prasejarah negara khususnya bukti awal dan artifak dari zaman Paleolitik, Neolitik-Gangsa hinggalah zaman penempatan masyarakat Orang Asli. Bangunan Muzium Lenggong mula dibina pada tahun 1999 dan siap pada awal tahun 2001. Muzium ini dibuka kepada orang ramai pada bulan Mei 2001 dengan penyediaan Pameran Sementara sehinggalah pameran tetap siap sepenuhnya pada bulan Mei 2003.



Muzium Matang

Kota Ngah Ibrahim, Matang, Taiping 34750 Perak Darul Ridzuan.

Tel. : 05-847 7970 • Faks : 05-847 7757

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-matang

Muzium Matang (dahulunya dikenali sebagai Kompleks Sejarah Kota Ngah Ibrahim) yang terletak di Bukit Gantang, Matang (dahulu Permatang), Perak, telah dibina oleh Ngah Ibrahim yang bergelar Orang Kaya Menteri Paduka Tuan. Beliau ialah anak kepada Cek Long Jaffar orang Melayu pertama tahun 1840 membuka perusahaan lombong bijih timah di kawasan Larut, Matang dan Selama.



Muzium Sungai Lembing

Ibu Pejabat Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Timur),
Sungai Lembing, 26200 Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-541 2377 / 2378 • Faks : 09-541 2377

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-sungai-lembing

Muzium Sungai Lembing ditubuhkan bagi mengimbuai zaman kegemilangan Sungai Lembing sebagai bandar terkaya pengeluar bijih timah utama di negeri Pahang. Pada suatu ketika dahulu, bandar ini seumpama El-Dorado Timur di Tanah Melayu kerana di sinilah terletaknya sebuah perkampungan pegawai British yang istimewa di Lembah Sungai Kenau.

Muzium Lukut

Lot 730, Kota Lukut, 71010 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel. : 06-651 2954 • Faks : 06-651 5270
www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-lukut

Muzium ini dibina oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti (kini Jabatan Muzium Malaysia) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan. Ia dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Abdul Samad pada 9 April 1999. Ia dibina sebagai satu tanggungjawab menyebarkan maklumat sejarah dan budaya di Negeri Sembilan untuk ditatapi oleh masyarakat tempatan, para pelancong luar negara serta para pelajar dan penyelidik sejarah.



Muzium Seni Bina Malaysia

Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Selatan)
No. 1, Jalan Kota, 75000 Melaka Bandar Warisan Dunia.
Tel. : 06-288 1450/3599 • Faks: 06-288 3826
www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-seni-bina-malaysia

Muzium Seni Bina Malaysia mula dibuka kepada umum pada bulan September 2005. Objektif utama penubuhannya untuk mempamerkan keunikan warisan seni bina yang terdapat di Malaysia. Selain menjadi satu lagi destinasi pelancongan, muzium ini juga turut menekankan aspek pendidikan dengan menyediakan pusat sumber sebagai tempat rujukan mengenai warisan seni bina yang terdapat di Malaysia



Muzium Kota Johor Lama

Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Selatan) Lot 1468, Kampung Johor Lama, 81940 Kota Tinggi, Johor Darul Takzim.
Tel. : 07-883 1498 • Faks : 06-286 5092
www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-johor-lama

Pembinaan muzium ini bermula pada bulan Ogos 2004 dan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2007. Muzium ini mula dibuka kepada umum pada bulan Oktober 2007.





Muzium Adat

Jabatan Muzium Malaysia 196, Jalan Dato' Umbi, 71600 Kuala Klawang, Jelevu, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel. : 06-613 6586/6621 • Faks : 06-613 6664

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-adat

Penubuhan Muzium Adat yang pertama seumpamanya di Malaysia ini adalah cetusan idea YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Majlis perasmian pembukaan Muzium Adat ini telah diadakan pada 2 Februari 2008 oleh Undang Luak Jelevu, Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Dato' Musa bin Wahab bersama-sama dengan YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan juga Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Mohamad Hasan.



Muzium Alam Semula Jadi

Jalan Diplomatik, Presint 15, 62000 Putrajaya.

Tel. : 03-8890 2877 • Faks: 03-8890 2879

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-alam-semulajadi

Penubuhan Muzium Alam Semula Jadi (MAS) di Presint 15, Putrajaya merupakan satu usaha kerajaan untuk mengumpulkan, mendokumentasikan dan mempamerkan khazanah alam semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, batuan, mineral dan fosil yang terdapat di negara ini untuk dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dalam negara mahupun pelancong.



Muzium Tekstil Negara

JKR 26, Jalan Sultan Hishamudin, 50050 Kuala Lumpur.

Tel. : 03-2694 3457/3461 • Faks : 03-2694 3466

www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-tekstil-negara

Muzium Tekstil Negara ditempatkan di Bangunan JKR 26, di Lot 50, Seksyen 70, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur, sebuah bangunan warisan yang pernah digunakan oleh pelbagai jabatan dan institusi sebelum ini. Bangunan yang siap dibina pada tahun 1896 ini berketinggian 2 ½ tingkat dengan keluasan tanah 3259 m2 dan keluasan lantai 3145.3 m2. Muzium ini mempunyai empat galeri.

The background of the entire page is a complex, repeating pattern of white line art on a white background. The pattern consists of various floral and leaf motifs, including large five-petaled flowers, smaller buds, and stylized leaves, all interconnected by thin, curving lines. The overall effect is a dense, intricate, and symmetrical design.

LAMPIRAN

KURSUS DALAM NEGARA

I. ANJURAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Fungsional

Bil.	Tajuk Kursus	Tempat	Tarikh	Bilangan Peserta			
				Peng. Tertinggi	P&P	Pelaksana	Jumlah
Modul Pameran Muzium							
1.	Kursus Asas Teknik Penyediaan Pameran	Bilik Persidangan JMM	19 - 22 Jun		4	36	40
2.	Seminar LED <i>Street Lighting</i>	Bilik Persidangan JMM	23 Oktober		10	44	54
Modul Pengurusan Koleksi							
3.	Kursus Asas Mengenal dan Menilai Artifak/Barang Antik	Bilik Persidangan JMM	26 - 28 Jun		8	37	45
4.	Bengkel Amali (<i>Hands-On-Workshop</i>): Penyediaan, Dokumentasi Dan Pengendalian Sistem Pengurusan Artifak & Koleksi Muzium Secara 3D-Digital Dan Maya (Virtual)	Bilik Persidangan JMM	23 - 25 April		6	37	43
Modul Konservasi							
5.	Bengkel Asas Konservasi Artifak	Makmal Konservasi JMM	27 - 29 Februari		37	37	
6.	Bengkel Konservasi Kuratif Bahan Logam (Peringkat Pertengahan)	Bilik Persidangan JMM	2 - 3 Mei	6	28	34	
7.	Kursus Aplikasi Preventif Dalam Penjagaan Manuskrip (Peringkat Pertengahan)	Muzium Matang, Perak	18 - 20 April		30	30	
8.	Kursus Restorasi Seramik (Peringkat Pertengahan)	Bilik Persidangan JMM	18 - 19 Julai	5	27	32	
Modul Penyelidikan Muzium							
9.	Metodologi Penyelidikan Muzium (Peringkat Pertengahan)	Bilik Persidangan JMM	24 - 25 September		12	37	49
Modul Penerbitan Dan Pendokumentasian							
10.	Kursus Asas Penerbitan (Dalam Konteks Permuziuman)	Bilik Persidangan JMM	27 - 29 Mac		8	24	32
11.	Bengkel Penyuntingan dalam Penerbitan - Tahap Pertengahan	Bilik Persidangan JMM	14 - 15 Mei		10	26	36

Bil.	Tajuk Kursus	Tempat	Tarikh	Bilangan Peserta			
				Peng. Tertinggi	P&P	Pelaksana	Jumlah
Modul Pemasaran Muzium							
12.	Kursus Pemasaran Muzium - Kaedah Pemasaran Gorila Segar, Segera & Seronok	Regency Tanjung Tuan, Port Dickson	15 - 17 Disember		7	21	28
Modul Pendidikan Dan Pengembangan							
13.	Kursus Asas Pendidikan dan Pengembangan	Bilik Persidangan JMM	4 - 5 Jun		10	27	37
14.	Kursus Pendidikan Muzium	Muzium Negara	5 - 6 November		20	47	67
Modul Pengurusan Spesimen Alam Semulajadi							
15.	Kursus Asas Pengurusan Herbarium (Pakus-pakis)	Bilik Persidangan JMM	26 - 29 Mac		6	12	18
Modul Pengurusan Permuziuman							
16.	Seminar Hari Muzium Antarabangsa (Muzium Dalam Dunia Yang Berubah)	Dewan UMNO Pekan Pahang	19 Oktober	10	208	320	538
Forum Kurator							
17.	Tradisi Pembuatan Buaya Tanah di Sarawak	Auditorium, JMM	26 April	2	25	173	200
18.	Koleksi Ukiran Kayu dan Langkasuka Dalam Peta Sejarah	Auditorium, JMM	5 Julai	2	32	166	200
Bicara Kurator							
19.	Pintu Gerbang	Bilik Persidangan JMM	12 Jun		16	53	69
20.	Keunikan Bonsai	Bilik Persidangan JMM	17 Julai		11	58	69
21.	Ceramah Ilmu : Batu Nisan Aceh-Satu Bukti Ketamadunan Melayu Awal	Bilik Persidangan JMM	13 Julai		7	57	64
22.	Program Bersama Sukarelawan - Singapura, Jepun, Perancis	Bilik Persidangan JMM	3 Julai 28 Ogos 19 September 10 Oktober 18 Oktober 19 November 23 November 29 November 12 Disember 13 Disember				300

PERATUS 7 HARI BERKURSUS TAHUN 2012

Bil.	Gred/ Kumpulan	Kursus Pendek												
		Bilangan Anggota Yang Hadir Berkursus (> 7 Hari Setahun)	Jumlah Kehadiran (%)	Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus	Jumlah Kehadiran (%)	Bilangan Anggota Yang Hadir Berkursus (> 3 Bulan)	Jumlah Tidak Hadir (%)	Bilangan Anggota Yang Hadir Berkursus (> 3 Bulan)	Jumlah Kehadiran (%)	Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus	Jumlah Kehadiran (%)			
1.	JUSA	2	2	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2.	PENGURUSAN & PROFESIONAL (41- 54)	51	51	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
3.	SOKONGAN 1 (17-40)	230	228	99.57%	1	0.43%	-	-	-	-	-	-	-	-
4.	SOKONGAN 2 (1-16)	90	87	96.6%	3	3.33%	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH		374	370	98.93%	4	1.07%	-	-	-	-	-	-	-	-

Jabatan / Agensi : Jabatan Muzium Malaysia

PROGRAM LUAR NEGARA 2012

PENYELIDIKAN

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Peserta	Anjuran
1.	Menjalankan Penyelidikan, Pengumpulan Bahan dan Perbincangan Bagi Keperluan Pameran Perubatan Tradisional.	3 - 8 Februari 2012 (6 hari)	Surabaya, Yogyakarta & Solo, Indonesia	1. Zarinah binti Sarifan	JMM
2.	Penyelidikan Kebudayaan Masyarakat Melayu Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan	9 - 13 Disember 2012 (5 hari)	Sulawesi Selatan, Indonesia	1. Mohd Razaimi bin Hamat 2. Mohd Nasrulamiazam bin Mohd Nasir 3. Mohd Shahir bin Mohd Ali	JMM
3.	Penyelidikan Kebudayaan Penghasilan Topeng Tradisional	18 - 20 Disember 2012 (3 hari)	Bangkok, Thailand	1. Kamarul Baharin bin A. Kasim	JMM

KURSUS/BENGGEL/PERSIDANGAN

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Peserta	Anjuran
4.	Menghadiri <i>Rock Art Studies in Southeast Asia II: Field School on Site Interpretation, Conservation and Community Participant</i>	10 - 21 Mei 2012 (12 hari)	Doi Phakan, Lampang Province, Thailand	1. Mohamad Taufik bin Harun 2. Zuriani binti Abd Ghani	SEAMEO- SPAFA
5.	Menyertai <i>The 6th International Conference of The Korean Museum Association</i>	17 - 20 Mei 2012 (4 hari)	Seoul, Republik Korea.	1. Tee Siew Mooi	The Korean Museum Association
6.	Menyertai <i>The 6th International Conference of The Korean Museum Association</i>	18 - 22 Mei 2012 (5 hari)	Seoul, Republik Korea.	1. Dato' Ibrahim bin Ismail	The Korean Museum Association
7.	Menyertai ICOM (<i>International Council of Museums</i>) MPR (<i>International Committee for Marketing & Public Relations</i>) Annual Conference yang bertajuk " <i>Creative Communications</i> "	7 - 14 September 2012 (8 hari)	Palermo, Sicily, Italy.	1. Zainal bin Ariffin	JMM
8.	Menyertai " <i>5th Asia Europe Museum Network (ASEMUS) General Conference: New and Sustainable Museum Education</i> "	12 - 17 September 2012 (6 hari)	Seoul, Republik Korea.	1. Kiew Yeng Meng 2. Ahmad Sabri bin Mohamed Hashim	JMM

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Peserta	Anjuran
9.	Program Taksidermi Profesional	6 Oktober - 11 November 2012 (37 hari)	American Institute of Taxidermy, Wisconsin, USA	1. Mohd Ridhuan bin Akhiruddin 2. Mohammed Ali bin A.M Haja Mohaideen	JMM
10.	Menghadiri (SEAMEO SPAFA) <i>Training Workshop on Contrasting Textile Conservation Methods for Southeast Asia in collaboration with the Queen Sirikit Museum of Textiles, Thailand</i>	6 - 14 November 2012 (9 hari)	Queen Sirikit Museum of Textiles, Bangkok, Thailand	1. Suriati binti Sulong 2. Kartina binti Abdul Khalid	SEAMEO SPAFA

MESYUARAT/PERBINCANGAN

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Peserta	Anjuran
11.	Mengadakan perbincangan dengan Pengarah - Pengarah Muzium di Seoul Korea dan memperolehi pengetahuan, maklumat teknologi terkini untuk applikasi di muzium- muzium Malaysia.	15 - 20 Julai 2012 (6 hari)	Seoul, Republik Korea	1. Zanita binti Anuar 2. Asmah binti Mohd Wazir	JMM
12.	Menghadiri <i>International Council of Museums Asia Pacific Alliance (ICOM ASPAC) Board Meeting and Assembly "Today's Museums : Interdisciplinary Approaches"</i>	23 - 27 September 2012 (5 hari)	Wuhan, China	1. Tee Siew Mooi	ICOM-ASPAC
13.	Menghadiri <i>27th SEAMEO SPAFA Governing Board Meeting</i> dan mengadakan perbincangan mengenai pertukaran artifak dan perkongsian kepakaran di antara JMM dan muzium- muzium di Vietnam dan Myanmar.	13 - 19 Oktober 2012 (7 hari)	Hanoi, Vietnam dan Yangon, Myanmar	1. Dato' Ibrahim bin Ismail 2. Norzila Diana binti Mansor	JMM